



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

1983 SEPTEMBER 7 RABU

1403 ذوالقعدة 29 رابو

PERCUMA

PERCUMA

Urusan tubuh wakil di Jakarta

BANDAR SERI BEGAWAN. Rombongan tersebut akan diketuai oleh Pemangku Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat dan berserta tiga orang pegawai kanan Jabatan tersebut.

Semasa berada di Jakarta selama satu minggu, Pemangku Ketua dan pegawai-pegawai lain akan membuat perundingan dengan pegawai-pegawai di Kementerian Luar Indonesia.

Semasa berada di Jakarta selama satu minggu, Pemangku Ketua dan pegawai-pegawai lain akan membuat perundingan dengan pegawai-pegawai di Kementerian Luar Indonesia.



Rombongan Indonesia diterima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Sir Muda Omar Ali Saifuddin Waddaulah (gambar atas) telah menerima rombongan dari Indonesia yang diketuai oleh Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat dan berserta tiga orang pegawai kanan Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat dan berserta tiga orang pegawai kanan Jabatan tersebut.

Bukan warganegara diingat:

TIDAK PERLU KHUATIR ASAL TEKUN DAN BERMINAT

Oleh: Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bukan warganegara diingatkan sungguhpun taraf kerakyatan ketat dari segi peperiksaan, mereka tidak perlu khuatir asalkan mereka benar-benar tekun dan berminat serta tidak kendur-kendur mempelajari Bahasa Melayu dan mengamalkan adat resam dan kehidupan orang-orang Brunei.

Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mengingatkan demikian ketika bertitah di majlis kesyukuran sempena ulangtahun hari keputeraan Baginda ke-37 tahun anjuran Dewan Perniagaan Tiong Hua Brunei di Dewan Persantapan Lapau pada malam Jumaat lepas.

Menurut Baginda perkara kerakyatan itu tidaklah begitu sangat dikhuatirkan oleh mereka kerana syarat bagi mendapatkan ialah 25 tahun dikira 20 tahun tetap berada di Brunei.

"Lebih-lebih lagi permohonan-permohonan mereka akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Beta

menurut peraturan undang-undang yang sedang berjalan pada masa ini," titah Baginda.

Berhubung dengan masyarakat Tiong Hua di negara ini, Baginda gembira mengetahui yang mereka telah dan sedang berusaha gigih bagi menyesuaikan diri dengan keperluan dan aspirasi Negara Brunei Darussalam dalam berbagai kehidupan termasuklah kesediaan mereka menolong dan menjadi teman kepada orang-orang Melayu Brunei di bidang perniagaan.

Baginda mengharapkan persefahaman dan kerjasama itu akan terus dipupuk dan dipelihara untuk kebahagiaan dan kemakmuran negara ini.

Baginda juga mencatatkan penghargaan kepada dewan berkenaan atas sumbangan ahli-ahlinya di berbagai bidang pembangunan dan kemajuan ekonomi negara ini.

Baginda juga berharap supaya orang-orang Tiong Hua di negara ini akan terus menghulurkan kerjasama

erat dalam apa jua rancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Baginda termasuklah memelihara keharmonian dan ketenteraman supaya kesejahteraan dan kemakmuran negara akan terus dinikmati oleh segenap lapisan rakyat dan penduduknya.

Turut berangkat ke majlis pada malam itu ialah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Turut hadir ialah TYT Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei; Pemangku Menteri Besar; YAM Speaker Majlis Mesyuarat Negara; YAM Pengiran-pengiran Ceteria; YDM Pehin-pehin, Pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan jemputan-jemputan khas.

Ikuti latihan di Jepun

SEORANG lagi Pegawai Penadbir di Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Awang Ibrahim bin Haji Hassan, akan bertolak ke Tokyo, Jepun untuk mengikuti latihan dalam perkhidmatan dalam bidang hal-ehwal luar negeri dan Latihan Intensif dalam bahasa Jepun bagi pegawai-pegawai Hal-Ehwal Luar Asia dan Pasifik. Kursus ini akan diadakan di Institut Latihan Hal-Ehwal Luar Negeri, Tokyo Jepun, pada awal bulan September ini. Kursus tersebut akan dibiayai oleh Kerajaan Jepun (Jica, Japan International Co-Operation Agency) yang mana akan memakan masa selama 11 bulan.





7 SEPTEMBER 1983

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

TARAF KERAKYATAN:

UNDANG-UNDANG YANG ADA TIDAK BERUBAH

PERKARA kerakyatan bagi orang-orang yang bukan rakyat sepatutnya tidaklah menjadi kekhuatiran di kalangan mereka apa lagi untuk menjadikan hal itu suatu isu yang kononnya berkehendakkan huraian.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam titah Baginda baru-baru ini mengingatkan yang Kerajaan akan menimbalan permohonan-permohonan bagi mendapatkan kerakyatan menurut peraturan dan undang-undang yang sedang berjalan pada masa ini. Tegasnya, tidak ada sebarang perubahan patut dijangkakan ke atas undang-undang itu di mana rumusan-rumusan di dalamnya adalah sangat berpatutan jika dipadankan dengan kedudukan sejarah serta latarbelakang kenegaraan kita. Syarat berkediaman tetap di Brunei selama 20 tahun dari tempoh 25 tahun berada di negara ini, dan menguasai bahasa Melayu serta mengamalkan adat resam kehidupan orang-orang Brunei, adalah dikenakan antaranya bagi maksud-maksud membolehkan negara ini menerima orang-orang yang ternyata dapat menyesuaikan dirinya dengan iklim setempat. Faedahnya juga adalah bagi kebaikan mereka sendiri dan generasi selepas mereka.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah Baginda itu menyebutkan perihal orang-orang yang berminat serta tidak kender-kender mempelajari bahasa Melayu

dan mengamalkan adat resam kehidupan orang-orang Brunei. Ternyata unsur terpenting dalam menentukan penerimaan seseorang asing ke dalam iklim tempatan ialah bahasa Melayu dan adat resam setempat. Dan jika merujuk kepada titah Baginda dalam sempena yang sama tahun lepas kedua-dua unsur itu iaitu bahasa Melayu dan adat resam tempatan bukan sahaja penting dikuasai dan diamalkan bagi tujuan mendapatkan kerakyatan tetapi adalah supaya orang-orang yang berkenaan itu tidak akan dicurigai oleh rakyat Brunei yang terdiri dari penduduk-penduduk tempatan.

Yang pentingnya, titah Baginda dalam Majlis Kesyukuran Hari Keputeraan yang diadakan oleh masyarakat Tiong Hua itu dibuat dalam masa beberapa bulan sahaja lagi menjelang hari kemerdekaan penuh negara kita. Dengan yang sedemikian itu kita berharap ia akan menamatkan apa juga spekulasi berhubung dengan orang-orang asing yang bukan rakyat. Tegasnya Baginda dan Kerajaan Baginda tidak menampak sebarang kepentingan yang berkebalikan untuk mengubah syarat-syarat yang terkandung dalam Undang-undang Taraf Kebangsaan yang berjalan pada masa ini.

Sesungguhnya jika dikatakan orang asing yang belum menjadi rakyat kluatir akan kedudukan mereka dalam syarat-syarat menjadi rakyat, itu sangat ketat dan sebagainya, penting ditimbang juga ialah rakyat asal negara ini sendiri sekiranya paksa diadakan sebarang perubahan dalam syarat-syarat kerakyatan itu asal merasakan syarat-syarat Undang-undang yang berjalan pada masa sudah jauh lebih dari berpautan tanda kemurahan negara ini untuk orang asing menjadi rakyat. Menyedari dan mempelajari tentang tingatan memelihara ketulenan negara Alhamdulillah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda telah berpaut kepada dasar ketulenan itu di mana terpentingnya ialah bahasa Melayu dan adat resam tempatan.

Kerana itu hendaknya kita berminat mengenai dengan taraf kerakyatan itu sahaja akan menamatkan apa juga spekulasi bahkan juga akan sebagai suatu pernyataan ikhtisar daripada Baginda dan Kerajaan kepada mana-mana yang berkenaan.

Bengkel Penulisan Buku Bergambar/Cerita Bergambar:

PERANAN PENULIS NISBAH KEPADA PENULISAN

ALHAMDULILLAH syukur kepada Allah yang telah berfirman: Dan pena. Alangkah hebatnya kuasa pena. Salawat ke atas Nabi yang telah pernah mencatatkan rekod penghormatan kepada penulis yang beriman dan bertakwa.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Peramba atas nama semua pegawai dan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka terlebih dahulu menyebarkan ucapan terima kasih atas kesudian Tuan Peramba akan merasmikan bengkel penulisan pada hari ini.

Kesudian Tuan Peramba sesungguhnya mempunyai pengertian yang sangat mendalam bagi kejayaan majlis serupa ini dan dorongan-dorongan pada masa-masa yang akan datang.

Dan sekarang Peramba memohon untuk membuat ucapan singkat secara umum.

Yang Mulia Pemangku Pengarah Radio dan Televisyen Brunei; dan penceramah undangan dari Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Dayang Izzah bte Abdul Aziz, pegawai-pegawai kanan serta para peserta bengkel sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Buku-Buku Umum Dewan Bahasa dan Pustaka kerana telah berjaya mengukuhkan bengkel-bengkel penulisan ini mulai hari ini dan seterusnya sehingga bulan November yang akan datang.

Bengkel-bengkel penulisan ini adalah mengandungi tiga jenis ceramah iaitu Bengkel Penulisan Buku dan Cerita Bergambar; Bengkel Penulisan Rencana Umum; dan Bengkel Penulisan Majalah Kanak-Kanak.

Hari ini bengkel pertama iaitu Bengkel Penulisan Buku dan Cerita Bergambar akan dimulakan. Manakala bengkel kedua akan diadakan pada bulan Oktober dan bengkel ketiga akan diadakan pada bulan November 1983.

Untuk semua bengkel ini, saya sukacita merakamkan berbilang-banyak terima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia kerana kesudian meminjamkan dua orang pegawainya termasuk yang hadir ini, Dayang Izzah bte Abdul Aziz untuk memberikan bimbingan dan petunjuk kepada peserta bengkel.

Melalui bengkel-bengkel yang dianjurkan ini adalah diharapkan bahawa perkembangan penulisan dalam berbagai bidang di negara ini akan mencapai suatu tahap yang dari masa ke semasa bertambah baik semata-mata pada mengingat bahawa peranan penulisan itu nisbah kepada pembangunan dan perkembangan sesebuah negara dan masyarakat amatlah penting, yang yang lazimnya para penulis selalu dianggap pemimpin-pemimpin yang diam.

Khusus bagi Brunei adalah amat menguntungkan jika para penulis dapat mengambil kira akan sudut-sudut yang perlu disentuh yang mustahak itu antara lain termasuklah dorongan-dorongan untuk menjivi pertumbuhan masyarakat kita dalam mengejar berbagai kemajuan.

Ada beberapa unsur negatif dalam masyarakat yang harus disentuh umpamanya yang biasa kita bincangkan pada masa sekarang. Satu pertumbuhan yang lebih banyak ingin kaya cepat tanpa usaha; ingin lulus cepat tanpa belajar; ingin mengata tanpa memperbaiki; lebih banyak budaya hiburan daripada budaya survival; dan unsur-unsur yang selalunya disentuh oleh para penulis luar negeri sebagai suatu kemalangan bangsa Melayu.

Meskipun kata terakhir itu saya tidak bersetuju, akan tetapi mustahak dorongan-

dorongan kebangkitan ini kita maklum sebelum kita terlalu terlewat, sebab di dalam rumah kita sekarang kita tidak hanya hidup dalam kulit yang sama warna dengan kita, yang sama pakaiannya dengan kita, akan tetapi ada golongan lain yang jiwanya mungkin lebih maju dari kita, yang katanya lebih banyak membina, yang usahanya lebih banyak daripada diamnya, dan pandangannya lebih jauh daripada pendeknya. Semuanya ini tidak perlu membangkitkan rasa curiga sebenarnya kerana kecurigaan tanpa usaha akan lebih memperbanyak kecurigaan kita sendiri dan kebimbangan lebih banyak menimbulkan kebimbangan.

Semua ini harus ditempuh oleh masyarakat kita dengan suatu kebangkitan mental, suatu kebangkitan jasmani dan kebangkitan seperti ini lebih berkesan antara lain dimainkan oleh para penulis sebab Tuhan kita Yang Maha Esa pernah berfirman:

"Dan pena! Alangkah hebatnya kuasa pena."

Di antara tafsirannya ialah sesungguhnya kebangkitan budaya sesuatu umat lazimnya dan selalunya mestilah digerakkan oleh pena para penulis; dan alangkah indahnyanya ayat pertama dalam Al-Quran bila disebutkan:

"Iqra! Bismirabbikal 'alaq."

Antara lain menggariskan peranan para penulis, peranan pendidikan sebab perkataan 'rab' bukanlah Tuhan semata-mata tetapi ialah tuhan yang mendidik.

Hubungan tuhan yang mendidik dengan qalam atau pena ini sesungguhnya mendekatkan kaum penulis kepada Tuhan dan kepada masyarakat jika kita benar-benar ingin memahami apa yang disebut sebagai kebudayaan ugama kita itu.

Antara kesedaran serupa itulah, saya melihat para penulis harus berjaya membentangkan dalam tulisan mereka suatu penekanan bahawa perkembangan Brunei atau tamadunnya dari sekarang dan masa-masa yang akan datang haruslah memupuk kemajuan di bidang kebendaan di samping tidak melupakan di bidang kerohanian.

Saya berharap para penulis akan mula mengukuhkan dalam masyarakat, tidak guna lagi kita mencemuh kekayaan sebab kekayaan itu suatu benda yang halal selagi jalannya halal; tidak perlu kita terlalu banyak curiga kepada orang-orang yang ingin mempunyai harta benda yang banyak, sebab sebahagian daripada kebahagiaan kita akan terletak kepada orang-orang yang gigih serupa itu, yang pentingnya ialah bagaimana menubuhkan kemajuan kebendaan kita ini supaya kita jangan lumpuh dan bangun esok hari orang lain sedang naik tinggi.

Di samping itu adalah kita pelajari bahawa permainan para penulis yang mengangap diri mereka hanya semata-mata berfungsi untuk mendedahkan realiti sehingga melupakan sifat-sifat kerohanian, sesungguhnya pada masa sekarang tidak banyak mendatangkan keuntungan kepada mana-mana masyarakat.

Saya sendiri dalam pengalaman hidup pernah bertembung dengan pemikiran-pemikiran bahawa kononnya terserahlah kepada para penulis dalam mendedahkan realiti kehidupan itu sama ada ia masuk sendiri turut berlumut dalam lumpur itu asalkan dirinya kuat. Fikiran-fikiran serupa ini tidak boleh dijadikan satu demokrasi umum

sebab sejauh manalah manusia dapat mencapai taraf malaikat dan jangan lupa jika hulu sebuah sungai sudah keruh bagaimana kita harapkan air yang jernih di hilir.

Oleh yang demikian saya berharap para penulis kita di samping membangkitkan kekayaan kebendaan, kekayaan jasmani dan kebangkitan seluruhnya janganlah melupakan aspek kerohanian ini sebelum masyarakat kita tersesat dalam pengertiannya yang sangat jauh. Tersesat dalam etikata lalai dan tersesat dalam etikata leka dari kehidupan yang lebih bermakna.

Brunei sesungguhnya memerlukan penulis buku bukan hanya dalam bidang sastera kreatif bahkan juga dalam bidang yang memperkembangkan kemajuan keilmuan dalam berbagai lapangan.

Kita merasa bersyukur kebanyakan akhbar-akhbar mingguan dalam bahasa Melayu sekarang ini tidak lagi dalam zaman-zaman 50an dan 60an di mana dari luar kulit ke belakang kulit hanya sastera inilah yang kita hadapi.

Sekarang ini kita membaca dalam majalah dan akhbar mingguan telah ada sudut-sudut ekonominya, ada sudut-sudut perniagaan, sudut-sudut rumah tangga, sudut-sudut pelajaran dan lain-lain sudut. Bagi saya patut diteliti sejauh mana kesedaran para penulis untuk menjivi kebangkitan masyarakat Melayu di zaman ini. Dan saya berharap bila Brunei akan terus maju dalam bidang penulisan kita tidak perlu mempunyai majalah atau buku dari luar kulit ke belakang kulit hanya dengan sastera kreatif itu sebab pengertian penulisan dan

UCAPAN PEMANGKU
PENGARAH DEWAN
BAHASA DAN PUSTAKA
SAMAN BIN KAHAR
PERASMIAN BENGKEL
PENULISAN/BUKU
BERGAMBAR/BUKU
BERGAMBAR ANJURAN
DEWAN BAHASA DAN
PUSTAKA BRUNEI DI BALAI
DBP PADA HARI
OGOS 1982

sastera harus kita bangkitkan bangsa kita yang menjivi sastera yang memperkembangkan dun kita.

Pada belakang hari nanti kita perlu tidak perlu terbalik para penulis untuk memikirkan yang tidak terurus, yang memikirkan yang menggerbang yang nah bersikotanya berkecamuk mata untuk masyarakat pemikiran.

Saya berfikir para yang berjaya untuk masyarakat ialah mengurus diri sendiri dahulu sebelum mengurus orang lain.

Dengan ucapan serupa ini saya dengan penuh melihat negara akan merdeka harus bangun sekali lagi para menyedari dengan sesungguhnya sedang kita berliku-liku akan kemuncak dari sebenarnya menangan kita.

Dengan ucapan lagi Peramba berbilang-banyak terima kasih dan juga Dayang Izzah bte Abdul Aziz para hadirin dan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah menjivi pertumbuhan masyarakat kita dengan berbagai kemajuan.



BAGINDA Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Diraja berdiri hormat ketika dimainkan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang dibawakan oleh murid-murid Sekolah Menengah Chung Hwa BSB sejurus keberangkatan tiba Baginda.



Dari kiri: YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.



SEBAHAGIAN dari jemputan dan ahli-ahli DPT yang hadir di majlis tersebut.

MAJLIS PERSANTAPAN PERSEMBAHAN DPT



KEBERANGKATAN tiba Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Diraja dijunjung oleh Pengerusi Dewan Perniagaan Tieng Hua Brunei.

PANDUAN SISTEM EJAAN RUMI BARU BAHASA MELAYU

Pelajaran 11 : Penulisan Gabungan Kata

Kata Majmuk

Ada juga gabungan kata yang ditulis serangkai. Kata-kata yang ditulis serangkai biasanya disebut kata majmuk. Sistem Ejaan Rumi Baru telah menetapkan sejumlah kata tertentu yang sudah dianggap sebagai satu kata dan dapat ditulis serangkai.

Contoh : antarabangsa
beritahu
bilamana
daripada
hakcipta
hakmilik
jawatankuasa
kakitangan
lalulintas
perihal
pesuruhjaya
pilihanraya
rekabentuk
rumah tangga
sepertimana
setiausaha
suratkhabar
suruhanjaya
tanda tangan
tanggagaji
tanggungjawab
temoduga
ulangraya

2. Kata Bebas Berbentuk Rangkaian Kata Umum

Kata bebas berbentuk rangkaian kata umum hendaklah ditulis terpisah.

Contoh :
air hujan
balai raya
terima kasih
jam tangan
meja tulis

3. Kata Bebas dari Hubungan Parataksis

Kata bebas dari hubungan parataksis atau yang disebut rangkaian kata setara juga ditulis terpisah.

Contoh :
adik kakak
ibu bapa
makan minum
sana sini
tua muda

4. Kata Bebas yang Berbentuk Simpulan Bahasa

Kata bebas yang berbentuk simpulan bahasa hendaklah dipisahkan rangkaian katanya.

Contoh :
anak emas
bulan madu
makan angin
pilih kasih

5. Penggunaan Imbuhan pada Gabungan Kata

i Rangkaian kata umum yang ditulis terpisah, termasuk istilah khusus, rangkaian kata setara atau simpulan bah yang sekaligus mendapat awalan dan akhiran hendak ditulis serangkai.

Contoh : ambil alih ----- pengambilalihan
anak emas ----- menganakemaskan
campur aduk ----- mencampuradukkan

ii Gabungan kata yang ditulis serangkai itu dapat pula menjadi bentuk dasar untuk membentuk kata terbita

Contoh : beritahu ----- pemberitahuan
dukacita ----- mendukacitakan
warganegara ----- kewarganegaraan

6. Gabungan Kata yang Menjadi Kata Ulang

Perulangan dibuat dengan hanya mengulangi kata ya pertama, dan bukan seluruh rangkaian kata.

Contoh : balai raya ----- balai-balai raya
guru besar ----- guru-guru besar
kapal terbang ----- kapal-kapal terbang

PERINGATAN:

Semua pertanyaan atau kemusykilan mengenai panduan ini bolehlah ditujukan kepada Pemang Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar S



PREFEK-prefek Sekolah M.M.P.S.B.S./Sekolah sains sedang beramah mesra dengan Pengarah Penerangan di sini semasa mereka mengadakan lawatan baru-baru ini.

35 orang ketua penuntut lawat Bahagian Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari 35 orang ketua murid dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains Jalan Muara, telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Bahagian Penerangan Jabatan Setiausaha Kerajaan pada hari Selasa yang lalu.

Rombongan yang diketuai oleh dua orang guru dari Maktab tersebut telah dibawa meninjau secara lebih dekat akan tugas-tugas di jabatan berkenaan yang di antaranya ialah Unit Akhbar, Bilik Penggambaran, dan lain-lain.

Terdahulu dari sini telah diberi taklimat mengenai struktur, organisasi dan fungsi Bahagian Penerangan yang telah disampaikan oleh Pegawai Penerangan Bahagian Taklimat Yusof bin Ladi.

Sebelum mengadakan lawatan mereka pada petang tersebut, pelawat-pelawat telah berpeluang beramah mesra dengan Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengiran Haji Othman. — AHL



Pengarah Unit Petroleum dilantik

AWANG Abdul Kani bin Haji Mohd. Salleh, anak tempatan pertama menerima perlantikan sebagai Pengarah Unit Petroleum di Jabatan Setiausaha Kerajaan.

Awang Abdul Kani sebelum itu telah berkhidmat selama tujuh tahun dengan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad, sebagai Jurutera Petroleum di bahagian Reservoir Engineering. Beliau telah menamatkan perkhidmatannya dengan syarikat itu tahun lalu dan berhasrat untuk menjalankan perusahaannya sendiri.

Bagaimanapun, perkhidmatan beliau dikehendaki oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, dalam jawatan yang dipegangnya sekarang.

Awang Abdul Kani yang berasal dari Kampung Penanjong di Daerah Tutong dan berusia 37 tahun, menerima pendidikan asas di Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh atas piasiswa Kerajaan dari tahun 1959 hingga 1964, dan kemudiannya menuntut di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di bu negara.

Dalam tahun 1966, beliau melanjutkan pengajiannya di United Kingdom juga atas piasiswa Kerajaan.

Pengajian enam tahun di luar negeri memberikan kejayaan kepada beliau memperolehi Ijazah BSc Mechanical Engineering dalam tahun 1971 dan Ijazah MSc Reservoir Engineering dalam tahun 1973. Pengajian dijalankan di Imperial College, London.

Dalam memperolehi Ijazah BSc, Awang Abdul Kani juga memperolehi Associate City and Guilds Institute of London (AGGI), dan sekarang menjadi ahli kepada Society of Petroleum Engineer of America (SPE).

Awang Abdul Kani sebelum berkhidmat dengan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad juga telah berkhidmat di Bahagian Bengkel Jabatan Kerja Raya dalam tahun 1972 hingga 1975.

Dalam temubual singkat dengan pihak PELITA, Awang Abdul Kani menyatakan, jabatannya sekarang mempunyai beberapa kekosongan yang perlu diisi oleh anak-anak tempatan dalam kedua-dua bidang teknikal dan bukan teknikal.

Unit Petroleum di Jabatan Setiausaha Kerajaan diperkenalkan penubuhannya dalam tahun 1982 dan mendapat peruntukan sendiri tahun ini. Unit itu sekarang mempunyai seorang Kerani Sulit dan dua orang ahli ekonomi.

DORONGAN KEBANGKITAN KESEDARAN PERLU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara amat beruntung jika para penulis menyentuh sudut-sudut yang perlu dalam karya mereka terutama dorongan-dorongan ke arah pertumbuhan masyarakat kita mengejar berbagai kemajuan.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Awang Haji Abd. Saman bin Kahar menyatakan demikian dalam ucapan alu-aluan beliau di Majlis Perasmian Bengkel Penulisan Buku Begambar/Buku Cerita Bergambar anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di Balai Pameran jabatan tersebut pagi Ahad 28 Ogos lepas.

Katanya, dorongan-dorongan kebangkitan kesedaran perlu dimulakan sebelum terlewat terutama dalam hubungan pertumbuhan yang lebih banyak ingin kaya cepat tanpa usaha, ingin lulus cepat tanpa belajar, ingin mengata tanpa memperbaiki, lebih banyak budaya hiburan dari budaya survival dan unsur yang selalu disentuh oleh para penulis luar negeri sebagai suatu kemalasan bangsa Melayu.

"Sebab di dalam rumah kita sekarang kita tidak hanya hidup dalam kulit yang sama

warna dengan kita, yang sama pakaiannya dengan kita, akan tetapi ada golongan lain yang jiwa raganya mungkin lebih maju dari kita, yang katanya lebih banyak membina, yang usahanya lebih banyak daripada diamnya dan pandangannya lebih jauh dari pendeknya," jelas beliau.

Walau bagaimanapun semua itu tidak perlu membangkitkan rasa curiga kerana kecurigaan tanpa usaha akan lebih banyak menimbulkan kecurigaan, jelas beliau lagi.

Semua itu harus ditempuh oleh masyarakat kita dengan kebangkitan mental dan jasmani yang mana peranan ini lebih berkesan dimainkan oleh para penulis.

Seterusnya Awang Hj. Abd. Saman menekankan bahawa penulis harus berjaya membentangkan dalam tulisan mereka suatu penekanan bahawa perkembangan Brunei atau tamadunya dari sekarang dan masa-masa yang akan datang haruslah memupuk kemajuan di bidang kebudayaan di samping tidak melupakan bidang kerohanian.

Mereka diharap akan mula mengumandangkan dalam masyarakat, tidak guna lagi

kita mencemuh kekayaan sebab kekayaan itu suatu benda yang halal selagi jalannya halal, tidak perlu terlalu banyak curiga kepada orang-orang yang ingin mempunyai harta yang banyak sebab sebahagian daripada kebahagiaan kita akan terletak kepada orang-orang yang gigih serupa itu.

Apa yang penting, jelas Pemangku Pengarah itu, ialah bagaimana menumbuhkan kemajuan kebendaan kita ini supaya kita jangan lumpuh dan bangun besuk hari orang lain sedang naik tinggi.

Berhubung dengan penulisan buku, Awang Haji Abd. Saman menekankan bahawa negara ini memperkembangkan bukan saja dalam bidang kreatif bahkan juga dalam bidang yang memperkembangkan kemajuan keilmuan dalam berbidang lapangan.

Katanya dalam majalah dan akhbar mingguan telah ada sudut-sudut ekonomi, perniagaan, rumahtangga, pelajaran dan lain-lain yang mana semua itu sangat bermakna.

"Bila Brunei terus maju dalam penulisan, kita tidak memerlukan majalah atau

buku yang dari kulit ke kulit hanya berisikan sastera lama sebab pengertian penulis dan sastera itu harus baharu iaitu sastera yang membangkitkan bangsa yang menjai pelajaran, ekonomi dan tamadun kita, katanya.

Bengkel selama tiga hari telah berakhir petang tadi dengan penyampaian ucapan kepada 63 orang peserta.

Di akhir majlis penutupan satu cenderamua penghargaan telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abd. Saman kepada Davang bte Abdul Aziz, penceramah undangan dari Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur yang juga telah mendalirkan bengkel tersebut.

Jangan lakukan kegiatan berniaga

"LEMBAGA Bandar ingin mengingatkan kepada peniaga-peniaga supaya tidak melakukan kegiatan perniagaan di kawasan letak kereta seperti Tambatan Penumpang Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin dan sekitarnya.

Adalah masalah kesalihan menurut peraturan-peraturan Laluan lintas (Lembaga Bandar Bandar Seri Begawan) Tempat Letak Kereta 1972 melakukan perniagaan atau perdagangan di Kawasan Letak Kereta yang berbayar di Ibu Negara.

Peniaga-peniaga dinasihatkan menghentikan kegiatan perniagaan/berdagang di Kawasan Letak Kereta yang berkenaan untuk mengelakkan sekatan tindakan undang-undang yang mungkin diambil.



BERSYUKUR ADA BUKTINYA

MARILAH kita sama-sama bertakwa, syukurilah nikmat Allah dengan cara tidak melupakan-Nya. Kita patuhi perintah-Nya dan hindarkan larangan-Nya.

...w.t. telah menyem-
...agama-Nya, iaitu
...nikmat besar yang tidak
...mendengarnya. Hanya
...sahaja yang
...akrif dan reda,
...cara hidup dan pan-
...manusia.

...apakah nikmat ini
...benar-benar kita
...jika sudah, Alham-
...Tanda seseorang itu
...nikmat ugama, ia
...akan melanggar
...Nya. Ia tidak ber-
...minum arak, tidak
...tidak bohong dan
...lagi pekerjaan yang
...atau dibenci
...itu.

...orang mudah
...mengucapkan perka-
...syukur itu, tetapi tidak
...maksudnya. Ada
...bersyukur bila ia men-

**Dan orang bersyukur itu bukan
dia rugi, tetapi untung berlipat
ganda. Jangan tanya bagaimana
cara dia untung. Kalau zakat
seratus ribu, dua ratus ribu ring-
git, itu tidak rugi, bahkan untung
kata Allah Taala.**

...nikmat benda semata-
...ia pun berkata:
...Alhamdulillah, syukur"
...setakat itu sahaja
...Belum cukup, tetapi
...dikatakan. Kalau har-
...zakatnya, am-
...yang berhak dan
...sekalikali digunakan
...jalan maksiat, untuk
...Allah. Itu baru
...orang bersyukur itu
...dia rugi, tetapi untung
...ganda. Jangan tanya
...caranya dia un-
...Kalau zakat seratus
...dua ratus ribu ringgit,
...tidak rugi bahkan untung
...kata Allah Taala. Firman-

...kita-kira tafsirnya:
...kamu bersyukur,
...aku akan beri
...lagi, tetapi jika
...tidak bersyukur,
...siksa-Ku itu
...jauh.

...syukur
...itu pada
...tidak suku
...diri dengan
...janji-Nya,
...dan ingat
...syurga-Nya
...kepada orang
...Peringatan ini
...dituruti pula
...dan ibadat.

...syukur
...itu pada
...tidak suku
...diri dengan
...janji-Nya,
...dan ingat
...syurga-Nya
...kepada orang
...Peringatan ini
...dituruti pula
...dan ibadat.

...syukur
...itu pada
...tidak suku
...diri dengan
...janji-Nya,
...dan ingat
...syurga-Nya
...kepada orang
...Peringatan ini
...dituruti pula
...dan ibadat.



susah, pekerjaan tidak berjaya, mengapa? Memang begitulah keadaan orang apabila dia kufur nikmat, tidak bersyukur dengan nikmat Allah, terutama nikmat beragama, hati dan

berbagai perasaan yang boleh mengharu-birukan hidup mereka, mereka akan dan sentiasa diburu oleh resah gelisah, diburu oleh bimbang dan ragu. Mereka tidak mendapat cahaya petunjuk, kerana itu mereka hidup seperti mimpi di siang hari.

Benar, orang yang tidak bersyukur dengan nikmat ugama Islam, mereka itu boleh mendapat apa yang mereka hajati dari kesenangan dan kelebihan hidup ini, tetapi yang sukar bagi mereka memperoleh ialah ketenangan dan kebahagiaan jiwa. Kerana itu cuba kita perhatikan, berbagai-bagai ubat atau cara dicipta untuk menghilangkan kegelisahan. Kita telah mendengar orang yang menelan pil tidur untuk meredakan kerunsingan, tetapi ada yang terus mati. Demikian juga kita pernah mendengar mengapa si Polan terlalu banyak minum hingga ketagihan, kerana selalu rungsing. Semua itu adalah gejala-gejala tidak tenang dan tidak tenteram. Dan satu perkara lagi ada juga orang lari ke tempat hiburan dengan meninggalkan rumah tangga untuk memburu ketenangan melalui hiburan-hiburan yang berbentuk maksiat.

Kelakuan dan tingkah laku yang melampaui batas begini menggambarkan penderitaan jiwa yang sakit, dan bagi kita orang Islam perlulah dicari cepat-cepat ubatnya. Ada orang berpendapat, dan pendapatnya itu katanya disandarkan kepada ilmu jiwa, bahawa masyarakat yang terlampau memerlukan hiburan yang berlebih-lebihan adalah masyarakat yang ditimpa penyakit jiwa (penyakit resah gelisah). Mereka ini tidak akan sembuh, walaupun berbagai-bagai jenis hiburan dicipta.

Kebanyakan orang mudah sahaja mengucapkan perkataan syukur itu, tetapi tidak menepati maknanya. Ada orang bersyukur bila ia mendapat nikmat benda semata-mata, ia pun berkata: "Alhamdulillah, syukur" apakah setakat itu sahaja cukup?

Berbeza dengan orang Mukmin, orang yang benar-benar beriman, mereka tidak rakus dengan hiburan-hiburan yang melampaui batas. Mereka berpada dengan Allah. Hiburan mereka yang utama ialah zikir, mengingatkan Allah, Al-Quran dan sunnah. Firman Allah Taala dalam surah Ar-Ra'd tafsirannya: "Ketahuilah oleh kamu, bahawa dengan mengingatkan Allah itu akan menenangkan hati manusia."

Kerana itu orang-orang yang beriman adalah lebih mementingkan hubungannya dengan Allah, dengan Al-Quran biar sentiasa rapat, iaitu dengan cara banyak banyak mengingati-Nya, dengan cara banyak membaca dan mengikuti ajaran-Nya. Kerana dia tahu bahawa dari hubungan yang demikian itu, tidak akan masuk iblis dan syaitan, yang memang antara pekerjaannya ialah menipu kegelisahan dan was-was ke dalam dada anak-anak Adam. Jadi jika demikian jalannya, maka penyakit jiwa apakah yang boleh duduk di dalam dada orang-orang yang seperti ini?

Berbeza dengan orang Mukmin, orang yang benar-benar beriman mereka tidak rakus dengan hiburan-hiburan yang melampaui batas. Mereka berpada dengan Allah. Hiburan mereka yang utama ialah zikir, mengingati Allah, Al-Quran dan sunnah.

Begitulah wahai kaum Muslimin, mari kita cari ubat dari Al-Quran, untuk menghilangkan berbagai-bagai penyakit, terutama penyakit hati yang bernama resah gelisah, termasuk juga penyakit hasad, marah, dendam, buruk sangka, suka kepada maksiat dan lain-lain lagi. Penyakit seperti ini percayalah, tidak akan sembuh oleh pil-pil, oleh hiburan-hiburan, oleh nyanyian-nyanyian dan muzik-muzikan walaupun pakar mana yang menciptanya. Bahkan barangkali, mungkin semakin teruk lagi, contohnya kita sudah membaca kisah orang-orang Barat, ada seniman dan seniwati yang mati bunuh diri, penyanji-nyanyian terkenal mati secara misteri dan lain-lain lagi. Semua itu contoh yang membuktikan bahawa kebudayaan dan kesenian yang liar tidak akan menjadi ubat kepada manusia, bahkan menjadi racun yang berbisa.

IBADAH HAJI BANYAK CUBAAN

Oleh: Hj. Md. Nur Lubis Abd. Razak.

DI ANTARA sifat-sifat yang tercela, yang senantiasa melanda orang-orang yang sedang melaksanakan Ibadat Haji, ialah sifat cepat naik darah dan mudah tersinggung, bila hal ini terjadi, akan dapat menimbulkan rasa benci-membenci dan akan menimbulkan pembantahan-pembantahan atau pergaduhan di antara sesama jemaah haji, kerana sifat sabar dan tabah sudah hilang.

Bagi orang yang sudah pernah menunaikan ibadah fardu haji, dapat merasakan dan melihat berbagai jenis kelakuan dan tingkah laku jemaah-jemaah haji yang terdiri dari bermacam-macam suku dan bangsa itu, terkadang boleh melukai hati dan menyinggung perasaan suku bangsa lain, perkara itu biasa dan tidak dapat dielakkan kerana setiap jemaah saling mementingkan pekerjaan ibadah masing-masing.

Tingkah laku yang dapat melukai hati inilah biasanya yang boleh dengan cepat menimbulkan rasa marah yang tidak dapat ditahan, sehingga orang yang melukai hati itu akan diceca, di umpat dan sebagainya, sedangkan hal ini tidak semestinya timbul dari seorang jemaah yang mengharapkan haji mabrur.

Sifat-sifat yang tercela ini, akan mudah terjadi apabila kesibukan ibadah Haji sudah bermula, dan oleh kerana perkara-perkara yang mudah menimbulkan perasaan marah dan mudah tersinggung ini akan timbul ketika pelaksanaan Haji itu, maka Allah Taala

*Bingkisan
minggu
ini*

memperingatkan supaya jangan sampai terjadi pergaduhan dan perbantahan-bantahan selama mengerjakan Haji.

Firman-Nya dalam ayat 197 Surah Al-Baqarah yang bermaksud: "Tidak dibolehkan berbantahan-bantahan dalam menunaikan ibadah Haji."

Walaupun hati luka dan perasaan tersinggung, hendaklah dijaga supaya jangan timbul pergaduhan, perbantahan-perbantahan dan caci-mencaci.

Untuk mengubati hati yang luka itu dan untuk menahan marah kerana perbuatan dan tingkah laku jemaah lain serta untuk menjaga jangan sampai terjadi perbantahan-perbantahan di antara sesama jemaah, maka mestilah setiap orang yang mahu berhaji, membawa dan membekali diri masing-masing dengan sifat sabar dan tabah, bak kata orang: Kalau mahu ke tanah suci bawalah bersamamu sifat sabar yang bergunung-gunung, maksudnya: ketika menunaikan ibadah Haji itu akan dihadapi beberapa cubaan dan cabaran, kesakitan dan kesusahan, oleh kerana itu, perlulah terlebih dahulu sifat sabar dan tabah ditanamkan dalam hati serta diamalkan ketika menerima cabaran itu di sana.

Sesungguhnya Allah tetap bersama orang-orang yang sabar.

Bakal2 haji selamat sampai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kesemua bakal-bakal haji Brunei seramai 1,936 orang selamat sampai di tanah suci menurut sebagaimana yang dijadualkan. Demikian laporan yang diterima oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama

dari pegawai-pegawai perhubungan haji di sana.

Bakal-bakal haji itu bertolak meninggalkan tanah air mulai 26 Ogos lepas dengan pesawat Boeing 747 Sistem Penerbangan Malaysia yang disewa khas.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

HUKUM MENINGGALKAN SEMBAHYANG FARDU YANG LIMA (Bahagian 10) Siri ke-190



Orang Mukallaf ini telah ditanggung Allah s.w.t. kepadanya akan suatu sembahyang Zuhur umpamanya, sebab syarat wajib telah berjalan ke atasnya, kemudian ia ingkarkan perintah Allah s.w.t. yang telah memberikan tanggungan kepadanya pada mengerjakan sembahyang Zuhur ke atasnya, dan ia tiada taat pada perintah Allah pada tiap-tiap saat dan detik bagi diqadakan Zuhur itu, pada saat dan detik itu juga ia mengerjakan perkara yang lain yang tiada diperintahkan dia membuatnya, maka orang Mukallaf itu telah membuat dosa dan derhaka dan ingkarkan perintah Allah s.w.t., jika ia gunakan saat dan detik itu pada berbuat sembahyang sunat atau tawaf sunat umpamanya maka sembahyang sunat dan tawaf sunat itu sah dan betul dengan hal keadaan ia berdosa mengerjakan keduanya itu. Orang yang sembahyang sunat itu dihukumkan sebagai hukum seorang sembahyang padahal ia menggunakan tikar sejadah (tikar sembahyang) orang dengan tiada izin daripada tuan punya sejadah maka sembahyang itu sah dan ia menggunakan sejadah orang dengan tiada izin tuan punya itu adalah berbuat dosa besar dengan merampas sejadah, begitulah Ulama Fiqh yang dapat saya hurai dan dikatakan pada fahaman pembaca fatwa ini.

Berkata Al-Imam Az-Zarkashi: Oleh kerana Allah s.w.t., telah menuntut daripada orang Mukallaf ini, pada tiap-tiap saat dan detik, pada tiap-tiap saat dan detik, pada mengerjakan sembahyang yang telah ia tinggalkan dan cukaikan itu, setelah waktu sembahyang itu keluar dan habis, maka tiadalah boleh dan tiadalah sah ia mengerjakan perkara-perkara yang sunat apatah lagi perkara yang harus dan sia-sia, jika ia mengerjakan sembahyang sunat ketika

itu, padahal tiap-tiap detik dan saat itu wajib dikerjakan pada mengqada sembahyang fardu yang ditinggalkan itu

maka sembahyang sunat yang mengambil tempat dan detik sembahyang fardu itu adalah tiada sah, kerana tiada ada tempat bagi sembahyang sunat itu, sebelum sembahyang fardu yang ditinggalkan itu diqada dan dikerjakan, dengan perbuatannya yang begitu ia telah berbuat dosa dengan melanggar dan ingkarkan perintah Allah qada sembahyang yang fardu itu, maka orang Mukallaf ini sebagai seorang telah masuk dalam bulan Ramadan dengan Rukyah atau dengan digenapkan Syaban 30 (tiga puluh) hari, maka wajib ia puasa kerana Ramadan, kemudian ia tiada mahu puasa Ramadan dan pergi hendak puasa sunat atau puasa nazar, maka puasa sunat atau nazar itu tiada sah, kerana tiada ada tempat dan detik bagi puasa keduanya dalam bulan Ramadan setelah sabit bulan Ramadan telah masuk.

Ini pendapat Al-Imam Az-Zarkashi, dan pendapat itu adalah munasabah dari itu ulama mengambil perhatian akan pendapatnya itu dan disebutkan dalam kitab-kitab Fiqh, sebagai menguatkan haram mengerjakan perkara-perkara yang sunat sama ada sembahyang sunat atau tawaf atau wirid atau membuat fardu kifayah seperti sembahyang orang mati bagi orang yang Mukallaf yang menanggung sembahyang fardu yang telah ia abaikan dan cukaikan itu, demikianlah suatu huraian yang dapat saya terangkan sebagai mendekatkan fahaman kepada pembaca-pembaca fatwa ini.

Berkata Al-Imam As-Suyuti dalam Al-Asbahu Wan Nazair: Suatu kaedah

dalam Mazhab Al-Imam Shafi'ee: Barangsiapa telah diwajibkan mengerjakan sesuatu, dan luput sesuatu itu daripadanya, maka mestilah ia mengqadaknya sebagai menyambung dan menyokong perkara itu.

Maka menurut kaedah itu, barangsiapa telah luput daripadanya, sesuatu sembahyang dari sembahyang fardu yang lima waktu, nescaya ia hendaklah datangkan sembahyang yang telah luput daripadanya itu, sebagai menyambung dan menyokong perkara yang telah ia luputkan dan tinggalkan itu.

KATA AKHIR

Perkara wajib dan mesti qadakan sembahyang fardu yang lima yang dicukaikan dengan tiada apa-apa sebab dan uzur, telah sekata, sekutu dan sepakat sekalian ulama Shafieyah bahawa hendaklah diqadaknya, dengan segera tiada boleh berlegh-lengah. Bahawa ulama Shafieyah yang diiktimadkan (dipegang) perkataan mereka bagi dibuat fatwa seperti Al-Imam As-Shiarazi dan Al-Imam An-Nawawi yang dahulu dan Al-Imam Ibnu Hajar dan Al-Imam Ramli yang kemudian, sekalian mereka bersetuju mesti disegerakan qada sembahyang qada yang luput dengan tiada apa-apa uzur itu, jadi ulama yang sekarang yang mengikut kata-kata ulama yang di atas adalah betul, kerana ia mengikut perkara dan berpandu dengan hadis-hadis yang berkenaan, dan bersetuju dengan beberapa kaedah fiqh dan usul fiqh.

Ini fatwa yang kita pakai, dengan berpegang pada perkataan ulama Shafi'ee yang dipakai oleh ulama akan perkataan-perkataan mereka bagi

dibuat fatwa dan bersetuju (sesuai) dengan ulama Mazhab yang empat dan Ahli Sunnah Wal-Jemaah, yang berpegang dengan Hadis dan Sunnah Rasulullah s.a.w., perjalanan sahabat Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam zaman kita ini dalam negeri-negeri Islam seluruhnya. Radiallahu 'Anhum Waj'alna Ma'adun wa Fihim.

NASIHAT (BUKAN FATWA)

Menurut soal yang di atas, bahawa masalah ini dikemukakan oleh seorang telah insaf, jika ia yang telah insaf itu telah berhenti dengan berhenti dari enggan mahu sembahyang dan menunaikan kerana mencukaikan sembahyang, ia mengaku berjanji dengan Allah akan akan mencukaikan sembahyang pada masa-masa akan datang, dan berjanji membayar hutang sembahyang, ia ada taubatnya, sebagaimana di atas dan menurut syarat taubat maka ia taubatnya.

Maka sayugialah bagi orang yang membayar hutang sembahyang yang cuai dan tinggalkan itu, yang bersungguh-sungguh mengerjakan dan menunaikan sembahyang yang ada berjalan itu dengan sempurna dan baik dan tidak cuai, tiada lengah dan takirsir dengan sedaya upaya, maka ia berharap orang itu akan diampunkan Allah s.w.t., akan kesalahannya kerana Allah s.w.t., itu maha pemurah dan maha pengampun di atas hamba-hamba-Nya yang rujuk (kembali) dan bertaubat kepada-Nya, sebagaimana kata setengah-setengah ulama sebagai nasihat dan tunjuk ajar dan bukan sebagai fatwa.

WALLAHU A'ALAM



Nurin Almas bin
Haji Abdul Kadir



Ak Salim bin Pg Haji Amin



Zulhalim bin Haji Rosman



Dk Noraini bte
Pg Abdul Rahman



Nurnasariah bte Norshah



Normaya bte Haji Moks

Siapakah johan membaca Quran Murid2 S.U. tahun ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai enam orang peserta termasuk tiga perempuan akan bertanding diperingkat akhir pertandingan membaca Al-Quran bagi murid-murid sekolah agama senegeri yang akan berlangsung pada hari Ahad 11 September.

Murid-murid yang telah berjaya memasuki pertandingan tersebut bahagian lelaki ialah Nurin Almas bin Haji Abd. Kadir, dari S.U. Pengiran Anak Puteri Masna (Brunei I), Ak Salim bin Pg. Haji Amin dari S.U. Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (Brunei I) dan Zulhalim bin

Haji Rosman dari S.U. Pengiran Muda Mohammad Bolkiah (Temburong). Bahagian Perempuan ialah Dk Noraini bte Pg. Abdul Rahman dari Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop (Brunei IV), Nurnasariah bte Norshah dari S.U. Pengiran

Anak Puteri Masna (Brunei I) dan Normaya bte Haji Moks dari S.U. Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Saba (Brunei II).

Majlis pertandingan tersebut akan disiarkan secara langsung melalui radio dan tv kira-kira jam 2.00 petang. Majlis itu juga akan disiarkan

dengan persembahan syarahan agama oleh Awang Mohd. Ali bin Ali Omar, dan Dayang Azizah bte Haris, johan syarahan bagi murid-murid sekolah agama senegeri tahun 1983. Kedua-duanya dari S.U. Pengiran Anak Puteri Anak Puteri Mutawakillah Hayatul

Bolkiah dan pemenang nasyyid dari sekolah tersebut. Y.A.M. Pengiran Indera Pengiran Kamarulzaman bin Pengiran Pekerma Setia Diraja Bandar Pengiran Haji Moks dan seterusnya akan di berikan hadiah-hadiah.

SISTEM JALAN YANG BARU MULA DIGUNAKAN

11 SEPTEMBER

SEKARANG dimaklumi sekarang jalan raya di Bandar Seri Begawan Brunei sedang dan dilebarkan untuk mewujudkan satu perjalanan yang licin dan selesa kepada pemandu kenderaan khususnya dan pengguna jalan raya amnya.

Sebelum sistem yang baru ini, beberapa jalan dan tambahan jalan-jalan tersebut, penggunaannya akan secara peringkat, supaya orang ramai dan tidak keliru. Antara jalan-jalan tersebut ialah beberapa jalan yang dijadikan jalan begitu juga jalan-jalan dua arah yang dijadikan jalan-jalan satu arah. Di samping persimpangan-persimpangan jalan yang tidak dipasang lampu isyarat kini telah dipasang lampu-lampu.

Kanan di Jabatan Kerja Awang Lim Lam menyatakan pengumuman peringkat pertama jalan raya tersebut bermula 11 September. Peringkat pertama ini melibatkan Jalan Sekolah, Jalan Tasek Lama, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Lintang, Jalan Simpang dan Jalan Lintang. (Lintang Circus).

Beside dengan itu juga unit lampu-lampu di kawasan tersebut mula digunakan. Unit lampu-lampu ini ialah persimpangan Jalan Sekolah dengan Jalan

Oleh: Timbang Bakar

Kumbang Pasang, Jalan Sekolah dengan Jalan Kebangsaan dan Jalan Tasek Lama, Jalan Tasek Lama dengan Jalan Lintang, Jalan Tasek Lama dengan Jalan Simpang bulatan Jalan Lintang dekat Pusu Ulak.

Jalan-jalan yang terkandung dalam peringkat ini terbahagi kepada dua bahagian penting iaitu Jalan Lalulintas Utama masuk dan keluar Bandar Seri Begawan dan satu lagi ialah Lalulintas Pilihan masuk dan keluar bandar. Secara ringkas ianya bermaksud pemandu-pemandu dari Berakas atau Gadong yang hendak ke Bandar jalan utamanya ialah Jalan Kumbang Pasang membeluk ke Jalan Lintang seterusnya Jalan Tasek Lama tetapi pemandu tersebut boleh juga menggunakan Jalan Sekolah menuju Jalan Tasek Lama sebagaimana lazimnya (jalan pilihan).

Sebaliknya pemandu-pemandu yang hendak keluar dari pusat Bandar bolehlah menggunakan Jalan Tasek Lama terus ke Jalan Kebangsaan, sekiranya ia ke Gadong atau Berakas jalan pilihannya ialah Jalan Sekolah masuk ke Jalan Kumbang Pasang. Satu lagi jalan utama keluar dari

pusat Bandar ialah melalui Jalan Simpang menuju ke bulatan Jalan Lintang terus ke Jalan Kumbang Pasang.

Perlu juga diingatkan kepada pemandu-pemandu yang keluar dari Bandar atau dari Jalan Tutong yang menggunakan Jalan Haji Basir jika mereka berhajat berpatah ke Bandar atau menuju ke tempat-tempat lain dengan melalui Jalan Lintang, mereka itu terlebih dahulu mestilah berpusing mengikut bulatan Jalan Lintang (Lintang Circus) kemudian barulah melalui Jalan Lintang.

Dalam hal yang sama buat sementara waktu ini pemandu-pemandu dari Jalan

Kumbang Pasang tidak dibenarkan melalui Jalan Haji Basir, mereka hendaklah membeluk ke Jalan Lintang. Menurut pihak yang berkenaan arahan tersebut dibuat bagi mengelakkan kesesakan di Jalan Haji Basir dan Jalan Tutong sementara pembinaan jambatan Rangas dan jalan lelongan menuju kompleks membeli-belah di Batu 1 masih dijalankan.

Walaupun bagaimanapun untuk memastikan perjalanan sistem baru ini berjalan lancar pegawai-pegawai polis akan berada ditempat-tempat tersebut untuk membantu para pemandu menggunakan hala perjalanan yang betul.

Peringkat kedua penggunaan sistem baru itu dijangka akan dimulakan pada 25 September depan yang antara lain akan melibatkan Jalan Sungai Kianggeh, Jalan Bendahara, sebahagian Jalan Sultan dan Jalan Stoney. Manakala peringkat ketiga akan menyusuli kemudian yang melibatkan jalan-jalan di pusat Bandar.

Secara ringkas penggunaan sistem perjalanan yang baru itu pada keseluruhannya adalah seperti berikut: Pemandu-pemandu dari Berakas dan Gadong yang hendak ke Jalan Tutong mereka itu akan menggunakan Jalan Kumbang Pasang, Jalan Sekolah, Jalan Tasek Lama, Jalan Simpang dan Jalan Haji Basir.

Manakala pemandu-pemandu dari Muara yang menggunakan Jalan Kebangsaan menuju ke Jalan Tutong akan menggunakan Jalan Tasek, Jalan Simpang, Jalan Haji Basir atau Jalan Kebangsaan, Jalan Kumbang Pasang dan Jalan Haji Basir.

Pemandu-pemandu dari Jalan Kota Batu ke Jalan Kebangsaan bolehlah menggunakan Jalan Sungai Kianggeh, Jalan Tasek Lama dan Jalan Kebangsaan atau Jalan McArthur, Jalan Sultan, Jalan Bendahara atau Jalan Stoney Extension dan Jalan Tasek lama terus ke Jalan Kebangsaan.

Sementara pemandu-pemandu dari Kampung Ayer

atau Kota Batu yang menuju ke Gadong atau Berakas akan menggunakan Jalan Sungai Kianggeh, Jalan Tasek Lama, Jalan Sekolah, Jalan Kumbang Pasang dan Jalan Berakas atau Jalan McArthur, Jalan Sultan, Jalan Bendahara menuju Jalan Tasek Lama

atau dari Jalan Sultan ke Jalan Kumbang Pasang, Lintang Circus (bulatan Jalan Lintang) dan Jalan Kumbang Pasang atau dari Jalan Sultan ke Jalan Tutong, Jalan Haji Basir, Lintang Circus menuju Jalan Kumbang Pasang.

Kursus Penerangan Am Pemimpin2 Pengakap Negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam bahagian Pasukan Latihan Kebangsaan akan mengadakan Kursus Penerangan Am bagi pemimpin-pemimpin pengakap seluruh negara.

Kursus ini adalah terbuka kepada pemimpin-pemimpin pengakap yang belum pernah mengikuti kursus berkenaan.

Kursus tersebut akan diadakan selama dua hari bermula pada 7 hingga 8 Oktober di Daerah Tem-

burong. Borang-borang masuk penyertaan boleh didapati dari sekarang daripada Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap Daerah masing-masing atau dari Setiausaha Latihan, Awang Ismail bin Awang Haji Arit di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jalan Berakas, Brunei.

Borang-borang hendaklah dikembalikan kepada Pesuruhjaya Latihan tidak lewat pada 24 September, 1983.


Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 7 September, 1983 hingga ke hari Selasa 13 September, 1983 adalah seperti di bawah ini: —

Hari	Bulan	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Matahari Subuh Terbit
7	Sept	12.23	3.39	6.28	7.40	4.40	4.55 6.12
8	Sept	12.23	3.39	6.28	7.40	4.40	4.55 6.12
9	Sept	12.23	3.39	6.28	7.40	4.40	4.55 6.12
10	Sept	12.23	3.39	6.28	7.40	4.40	4.55 6.12
11	Sept	12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54 6.11
12	Sept	12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54 6.11
13	Sept	12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54 6.11

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.




PELAN menunjukkan hala lalulintas jalan-jalan utama dan jalan-jalan pilihan masuk dan keluar Bandar Seri Begawan.

LEGEND

TRAFFIC SIGNAL
HALA LALULINTAS JALAN UTAMA

HALA LALULINTAS PILIHAN



PENGUNAAN hala lalulintas di Lintang Circus atau bulatan Jalan Lintang sebagaimana yang ditunjukkan oleh anak panah.

WANITA PENGURUS KELUARGA PERLU BERSIKAP KEIBUAN

KUALA BELAIT. — Wanita sebagai pengurus keluarga perlu bersikap lebih keibuan dari bersikap materialistik. Paling penting bila sikap keibuan itu dapat menjadikan seorang wanita pemimpin yang baik pada rumahtangga dan keluarga.

Juga dalam wanita sering berhadapan dengan masalah anak-anak, sikap keibuan amat dikehendaki dalam menyelesaikan masalah dan memperbaiki keadaan. Fahaman para ibu terhadap sikap anak-anak, membolehkannya mewujudkan keharmonian dalam keluarga.

"Ibu bapa patut menjadikan diri mereka teman kepada anak-anak, teman seperjuangan, teman masa depan dan teman untuk sama-sama mewujudkan kestabilan rumahtangga, dan yang lebih penting teman untuk sama-sama memelihara perpaduan bangsa, serta berbakti kepada ugama dan negara," jelas Sharifah Maimunah Syed Muhammad.

Sharifah Maimunah selaku Pengerusi Pameran Masakan dan Kraft Tangan Wanita di Dewan Kemasyarakatan di sini baru-baru ini menekankan, apa yang paling dikehendaki ialah wanita hari ini harus mempunyai sikap kepimpinan yang patut diwarisi oleh generasi muda, agar mereka benar-benar dapat dijadikan ketahanan negara, bangsa dan ugama.

OLEH: AISAH PIEE

Katanya, wanita kini perlu menyedari bahawa mereka tidak boleh lagi bermodelkan kecantikan semata-mata dalam mempertahankan keutuhan rumahtangga, tetapi mereka patut bertindak menjadi pemimpin kepada rumahtangga, guru kepada anak-anak dan penasihat kepada keluarga.

"Dan pengetahuan dalam hal-ehwal memasak, dapat membendung hasrat untuk makan di luar, menjadi pengikat silaturahmi antara keluarga, antara isteri dan suami dan di antara ibu bapa dan anak-anak," ujarnya.

Pameran Masakan dan Kraft Tangan Wanita dianjurkan oleh gabungan Persatuan Pertiwi, Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Cawangan Belait, sempena Puja Usia ke-37 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di daerah itu.

Mengenai pameran tersebut, Sharifah Maimunah menjelaskan ianya bukanlah hanya tempat mempamerkan kebolehan malah pengetahuan urusan rumahtangga lebih bertujuan supaya kaum wanita benar-benar dapat dijadikan suri rumahtangga yang berilmu dan beramal, dan membimbing wanita

yang kurang berilmu.

Pameran di dewan hari itu dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu gubahan bunga-bunga, jahitan dan anyaman, jenis masakan, kuih-muih dan bahagian sirap, serbat dan manisan. AP.



MASAKAN lauk-pauk merupakan sebahagian lagi jenis pameran yang menarik perhatian.

Temasya Lumba Perahu dan Motor Sangkut

KUALA BELAIT. Temasya lumba perahu dan motor sangkut merupakan antara acara perayaan Puja Usia Baginda Sultan ke-37 tahun yang menarik perhatian ramai bagi Daerah Belait, dan Sungai Belait sekali lagi menjadi tumpuan apabila temasya itu dilangsungkan pada hari Ahad, 28 Ogos lalu.

Antara 21 acara perlumbaan yang diadakan ialah lumba motor sangkut 40 HP dan 30 HP ke bawah pantai, lumba perahu tamabang 30 HP, lumba river scooter, lumba berdayung, lumba perahu layar dan lumba outboard penangkap ikan 55 HP.

Lumba berkayuh penuntut/murid sekolah dan maktab dan lumba berkayuh terbuka bagi orang-orang China/India dan Barat yang menjadi acara temasya, selain dari perlumbaan berkayuh antara kampung-kampung, antara ketua-ketua pejabat kerajaan, syarikat, penghulu dan ketua-ketua kampung serta berkayuh antara jabatan-jabatan kerajaan.

Tumpuan orang ramai terhadap Sungai Belait tidak berakhir setakat itu sahaja

malah diteruskan pula di sebelah malamnya untuk sama-sama menyaksikan perarakan di air yang menjadi acara terakhir perayaan seminggu di daerah itu.

Perarakan bagi kenaikan yang menggunakan minyak tanah dan lilin berlepas dari hadapan Kampung Melayu Asli berdekatan kuala sungai, sementara kenaikan yang menggunakan kuasa elektrik, bateri-bateri dan alat-alat moden bergerak dari hadapan Kelab Dayung Belait.

Pegawai Daerah, Awang Haji Puasa bin Tudin dan Penolong Pegawai Daerah, Pengiran Ali Hassan bin DSLJ Haji Abbas adalah di antara yang turut menghadiri kedua-dua temasya itu.

Sementara itu, perarakan kereta berhias, tanglung berjalak kaki dan basikal berhias sejauh empat batu mengelilingi Pekan Belait, juga merupakan salah satu lagi acara perayaan.

Perarakan 37 pasukan tanglung, empat basikal dan empat kereta berhias berlangsung malam Sabtu, 27 Ogos dan bermula dari Padang KBRC ke Jalan

Carey, Jalan Sungai Belait dan kembali ke tempat bermula.

Perarakan didahului dengan Pancaragam Semarak Tambur Batalion AMDB, manakala pancaragam yang diiringi ialah Pancaragam Misi St. Michael's, Misi St. John's, St. Angela's, St. Perdana Wairi, dan Maktab Agama Seria.

Hadiah kepada pemenang perarakan disampaikan oleh Pegawai Daerah, Awang Haji Puasa bin Tudin.

Perayaan semarak diiringi dengan muzik warna, pertunjukan cucuk pinta, pertunjukan bangunan-bangunan, dan firma-firma orang perorangan berakhir bagi Bagaimanapun, perayaan masih akan diteruskan dengan menghidangkan sukan, seperti pertandingan olahraga, pertandingan lintas shell dan pertandingan yang akan diadakan September ini.



KEMAHIRAN wanita kita dalam bidang gubahan semakin jelas ketara dengan meningkatnya mutu gubahan dari tahun ke setahun. Orang ramai kelihatan sedang menyaksikan gubahan untuk balasan hantaran.

AMDB TUBUH PASUKAN BATTERY PERTAHANAN UDARA

OLEH: AHAD ISMAIL

TUTONG. — Sebahagian daripada peningkatan sistem pertahanan Pasukan Askar Melayu Brunei telah membentuk Pasukan Battery Pertahanan Udara. Ianya bertujuan untuk memantau keadaan serta perkembangan bidang pertahanan negara ini.

Perasmian penubuhannya telah disempurnakan pada hari Khamis 1 September yang lalu oleh Kol. Hewish yang mewakili bagi Pegawai Pemintah dari Ibu Pejabat Markas Pasukan, bertempat di bangunan barunya yang terletak di kawasan padang dekat Bintaran.

Ketika ini, pasukan tersebut mempunyai lebih dari 45 orang kakitangan yang telah ditambah apabila pembesarnya meningkat dan masa kesemasa.

Sementara itu, pasukan tersebut kini telah dipinjamkan beberapa orang pakar-pakar hal-ehwal udara

dari angkatan bersenjata British untuk memberikan latihan-latihan asas dalam pengendalian senjata tersebut.

Pada peringkat permulaan, sebanyak tiga buah senjata jenis Rapiet telah dibekalkan yang mana ini adalah peralatan yang paling sofistikated dewasa ini dan semasa pertikaian ke atas Kepulauan Falkland senjata tersebut telah digunakan oleh Angkatan Tentera British serta banyak mencapai kejayaan.

Keupayaan dalam melan- carkan serangan-serangan peluru berpandu amat berkesan, dan kekuatan boleh mencapai pada kadar 500 batu sejam pada menepati sasarannya. Senjata tersebut dikendalikan oleh beberapa orang anggota di mana masing-masing bertanggung- jawab pada pengawasan alat-

alat radar dan pelancar peluru berpandu.

Terdahulu dari perasmian- nya telah dimulakan dengan pengenalan pengibaran bendera pasukan dan diikuti oleh tiupan* terumput dan seterusnya bacaan doa selamat oleh Imam Madrasah Tutong Kem. — AHI —



PENGENALAN bendera Pasukan Battery Pertahanan Udara, semasa perasmian yang dilakukan oleh Kol. Hewish.

Perlawanan akhir Bola Keranjang AMDB

BERAKAS. — Perlawanan akhir kejohanan bolakeran- jang peringkat pasukan telah berlangsung di Dewan Gerak Badan Berakas Garison hari Rabu lepas.

Kejohanan tersebut adalah projek tahunan dan dibahagi- kan kepada dua kumpulan iaitu Unit Besar dan Unit Kecil. Dalam Unit Besar, sebanyak empat pasukan telah menyertai dan dimenangi oleh Angkatan Laut Pertama Muara. Tem-

pat kedua jatuh kepada Pusat Latihan Bolkiah Kem.

Dalam bahagian Unit Kecil pula sebanyak tujuh pasukan telah menyertai, dan telah dimenangi oleh Pasukan Cawangan Udara dan tempat kedua dimenangi oleh Regimental Headquarters.

Hadir di kejohanan tersebut ialah pegawai-pegawai AMDB dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pemerintah Brigadier JPW Friedberger. — AHI —



JOHAN bahagian unit besar dimenangi oleh Angkatan Laut Pertama Muara dalam kejohanan bola keranjang A.M.D.B.



BARISAN pemain yang menjuarai bahagian unit kecil yang disandang oleh Cawangan Udara AMDB.

2 orang lagi memeluk ugama Islam

BANDAR SERI BEGA- WAN. — Dua orang la- memeluk ugama Islam dalam dua majlis pengislaman yang berlangsung baru-baru ini. Seorang pemuda Indi- berasal dari Madras, Awar Muthu Thangarasu, 26 tahun memeluk ugama Islam di satu majlis yang berlangsung di rumah Awang Haji Ibrahim bin Pehin Perdana Wang- Haji Mohammad di Kampung Sungai Belukut. Beliau ki- dikenali sebagai Mohammed Noor bin Abdullah.

Majlis yang sama juga tel- berlangsung di rumah Awar Mahmud bin Awang Damit di Kampung Sengkarai, Tutong di mana seorang gadis Tior Hwa, Dayang Lim Ngok Nita telah melafazkan ikrar Islan- nya di hadapan Awang Yus- bin Haji Kamis dan ki- dikenali sebagai Linna Li- bte Abdullah.

Majlis itu diserikan deng- zikir marhaban dan diha- di antara lain oleh Awar Ahmad Wally Skinne- Pemangku Pegaw- Kewangan Negara da- beberapa orang pegaw- ugama.

Pegawai AMDB terima Hadiah Penuntut Seberang Laut

SEORANG pegawai Pasukan AMDB telah dianugerahkan Hadiah Penuntut Seberang Laut oleh Perdana Menteri British Puan Margaret Thatcher di Maktab Tentera Udara Diraja Cranwell pada 29 Julai lepas.

Leftenan Muda Zulkifli bin Nayan, seorang pelatih juruterbang AMDB, telah menerima hadiah berkenaan

sebagai penuntut seberang laut yang terbaik sepanjang latihannya. Ini telah diberikan berdasarkan kecekapannya dalam bilik darjah dan di berbagai kegiatan latihan pegawai-pegawai di perbarisan tahunan Baginda Queen.

Juga mengambil bahagian dalam perbarisan yang sama yang berjaya lulus dalam kur-

sus itu ialah Leftenan Muda Ali bin Sabar yang juga seorang pelatih juruterbang AMDB.


Latihan kepegawaian dalam kursus berkenaan di maktab tersebut merupakan ujian bersekutu dalam latihan fizikal dan kepintaran yang bertujuan untuk melahirkan pegawai-pegawai yang berpengetahuan tinggi dalam angkatan udara yang moden.



Lt. Muda Zulkifli



Lt. Muda Ali



AWG. Ken Prior menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta seminar tersebut.

SEMINAR PENIAGA-PENIAGA MELAYU ANJURAN SHELL

TU seminar peniaga-peniaga diadakan dalam bahasa Melayu yang diadakan dalam bulan Mei, diadakan lagi bagi kumulan kedua bulan ini. Kursus tersebut merupakan sepenuhnya untuk selama enam ti.

Di satu upacara ringkas menutup kursus, sijil-sijil telah disampaikan oleh Pengurus Kitangan dan khidmatan-perkhidmatan organisasi, Ken Prior kepada orang pemborong-pemborong bumiputera yang mengikuti kursus itu.

Ini diikuti dengan sesi kangan seminar tersebut dan hadap dasar pemborong-rikat. Pihak pentadbiran

BSP telah diwakili oleh Wim Steenken, Pengarah Teknikal dan Ken Prior.

Seminar tersebut direka-bentuk dan disampaikan oleh Perbadanan Kemajuan Eksekutif, Kuala Lumpur. Tujuannya adalah memberikan pemborong-pemborong untuk mengenali keperluan-keperluan asas bagi penubuhan dan pelaksanaan perniagaan yang berjaya.

Ianya meliputi perkara-perkara mengenai usahaniaga, penubuhan sesebuah perniagaan dan

persiapan-persiapan bagi tawaran-tawaran kerja. Terdapat juga sesi-sesi mengenai penggerak, cara-cara berniaga, kewangan, dan lain-lain sumber yang ada terhadap seorang ahli perniagaan, kos dan kefahaman pemborong-pemborong.

Hingga kini seramai 42 orang pemborong bumiputera yang berdaftar dengan Shell Brunei telah menghadiri seminar berkenaan. Sesi ketiga dirangka akan diadakan akhir tahun ini.

Pasaran minyak pelicin shell tinggi

PEMASARAN Shell Brunei sedang membuat satu lagi pemilihan ke dalam pasaran yang semakin meninggi bagi minyak-minyak pelicin.

Kira-kira separuh dari 28 orang pengedar di dalam negara ini mengambil bahagian di dalam pertandingan pertunjukan untuk menghias kedai mereka dengan minyak enjin Super Plus yang telah dilancarkan dalam bulan Jun lalu. Mereka yang mengambil bahagian di dalam pertandingan itu boleh membeli simpanan-simpanan hasil sampingan dengan harga yang dipilih.

Di dalam majlis makan malam bagi tuan-tuan punya kedai yang menyertai pertandingan itu, yang telah diadakan di ibu pejabat BSM di Bandar Seri Begawan, Awg. Mat Suny Hj. Hussein, Pengurus Umum syarikat itu, berkata bahawa pertandingan itu bertujuan untuk memperlihatkan hasil sampingan di mata orang ramai yang merupakan pembelinya.

Buat masa ini BSM adalah salah satu yang utama di dalam pasaran minyak pelicin yang bersaing di dalam negara ini tetapi jabatan penjual-penjual syarikat ini bermaksud untuk berikhtiar bagi meninggikan lagi bahagian pasaran.

Tiga tempat utama di dalam pertandingan ini kesemuanya diadahkan kepada kedai-kedai barang-barang gantian di Gadong. Hadiah pertama sebanyak \$1,000 kepada Progress Trading, yang kedua kepada Global Trading sebanyak \$750 dan yang ketiga kepada Syarikat Tat Lee yang menerima sebanyak \$500. Lain-lain para pengedar yang menyertai juga telah menerima hadiah sugu hati berupa minyak pelicin yang berharga \$300.



Salam dari
Padang Minyak



PENYAMPAIAN hadiah kepada pemenang pertandingan menghias kedai dengan minyak enjin Super Plus.

Bangunan tambahan baru SRC diserahkan

BANGUNAN baru bagi sambungan ke atas SRC telah diserahkan kepada pengurusan kelab itu oleh pemborongnya pada 19hb. Ogos membuatnya bahagian utama yang pertama bagi projek mengubahsuai kelab itu tersedia untuk kegunaan ahli-ahli.

Satu lawatan pemeriksaan bagi sambungan itu telah

dibuat oleh kumpulan kerja dari pemborong, arsitek, jawatankuasa pengurusan SRC dan wakil-wakil Shell Brunei sebelum penyerahan yang sebenarnya dilakukan.

Tingkat bawah bangunan dua tingkat itu menempati bilik-bilik bagi bahagian-bahagian Cina dan Donat tempat simpanan dan bilik-bilik pertukaran yang berlainan bagi lelaki dan perempuan. Terdapat pintu yang boleh menghubungkan kedua-dua bilik itu yang hanya digunakan sama ada untuk lelaki dan perempuan di masa perlawanan besar-besaran.

Tingkat pertama menempatkan restoran yang boleh memuatkan seramai 50 orang, dua dapur yang berasingan untuk menyediakan makanan orang Islam dan yang bukan Islam dan dua buah Bar, yang mana satu daripadanya akan digunakan di dewan tarian yang baru di bangunan utama itu.

Dua bahagian utama projek ini, pembinaan pusat sukan dan kolam berenang yang baru, disiapkan dan diserahkan ke tangan bulan depan.

Kerja pembinaan juga di dalam peringkat lanjutan bagi bangunan bahagian Melayu sementara mengubahsuai bagi bangunan yang akan berenang dijangka akan siap sebelum penghujung tahun ini.

Kursus keselamatan untuk penyelia-penyelia pemborong

BAGAI langkah tertentu am SES untuk menambah keselamatan semasa kerja, satu siri kursus sehari keselamatan telah dipertingkatkan untuk penyelia-penyelia pemborong.

Kursus pertama diadakan pada 22 Ogos dan telah dihadiri oleh 15 orang penyelia. Adalah dirangka kursus kedua akan diadakan awal bulanember depan dan sesudah OSA dan SES akan menilai keputusan-keputusan dan imbalik dengan harapan untuk memajukannya untuk pemborong-pemborong luar negeri serta dijadikan sesi-sesi am Bahasa Melayu.

Polisi-polisi keselamatan P, permit-permit serta peraturan-peraturan keselamatan dan penghin-

daran kecederaan, laporan kecemasan dan kemalangan, bahaya-bahaya khusus dalam kerja-kerja pembinaan serta penggunaan praktikal alat-alat pemadam api adalah merupakan perkara yang dibentangkan dalam kursus pertama itu.

Tujuan utama kursus itu adalah untuk menjadikan penyelia-penyelia yang mengahdirinya mengetahui sikap BSP terhadap keselamatan, tanggungjawab-tanggungjawab mereka serta syarikat-syarikat mereka bagi kedua-dua BSP dan pekerja-pekerjanya. Ini juga menunjukkan sebahagian langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kemalangan-kemalangan yang dilakukan oleh pemborong-pemborong bekerja bagi syarikat ini.



PENYELIA-PENYELIA pemborong yang mengahdiri kursus berkenaan ketika diberikan penerangan dan diperlihatkan tentang alat-alat keselamatan oleh seorang pegawai Shell.

PERAKAMAN SEISMIK TANAH

Shel Brunei perlu penyelidikan tanah di kawasan Jerudong dan Seria 1983 sebagai dari usaha men- dan gas secara

dan kecepatan operasi mereka adalah penting demi kejayaan penyelidikan. Oleh itu mungkin perlu untuk membina jambatan di kawasan-kawasan yang diduduki orang.

3. Menyukat

Setelah kerja-kerja merantis dan membina jambatan garisan itu, pekerja-pekerja menyukat akan masuk, untuk menyukat dengan tepat panjang garisan dan untuk menetapkan tanda-tanda di sepanjang garisan, yang berselang pada jarak yang sama. Tanda-tanda ini

mengandungi pancang-pancang kayu kecil, atau tanda-tanda cat merah di pokok-pokok kayu atau jambatan. Bagi keseluruhan pengambilan data ini, maka adalah perlu untuk melakukan kerja-kerja menyukat kandungan-kandungan bawah permukaan tanah dengan sejumlah besar peralatan menyukat yang diletakkan selang berhampiran antara satu dengan yang lain di sepanjang garisan.

4. Penggalan dengan letupan

Untuk penyiasatan seismik, gelombang bunyi terpaksa dibuat di bawah tanah dan gemanya, yang menunjukkan bentuk bawah permukaan tanah, dirakamkan. Cara yang dipergunakan di Jerudong dan Seria ialah bunyi ini dibuat dengan meletupkan bahan letupan kecil, yang ditanam di bawah tanah. Walaupun letupan itu dapat dirasakan oleh orang di kawasan berdekatan, ia tidaklah merbahaya, kerana jaraknya kalau seorang itu berada cukup jauh. Selain dari itu, peletupan tidak akan

dilakukan kurang dari 100m dari rumah-rumah atau binaan-binaan lain. Letupan itu akan dibuat di bawah tanah dan pekerja-pekerja penggalan itu akan melalui garisan ini selama beberapa hari, kadangkala berminggu-minggu sebelum pekerja-pekerja perakaman tiba.

5. Peletupan dan perakaman

Ini adalah peringkat akhir pengambilan data apabila kerja-kerja penyukat sebenarnya diambil. Semua kerja sebelumnya adalah semata-mata persediaan bagi kerja ini. Alat-alat pengesan akan dipasang di bawah tanah, di tempat-tempat di mana pekerja-pekerja penyukat memasang pancang-pancang. Pengesan-pengesan ini akan merakam gema gelombang bunyi di bumi. Pengesan-pengesan ini disambung dengan kawat-kawat letrik ke sebuah lori atau landcruiser, di mana sukatan-sukatan dikumpulkan. Kawat-kawat ini tidak merbahaya, tetapi untuk mengelakkan sukatan-sukatan dari terganggu seseorang dikehendaki supaya tidak menyentuh kawat-kawat itu. Lubang-lubang yang digali sebelumnya (lihat 4) dimasukkan bahan-bahan letupan. Sukatan-sukatan seismik diambil setelah bahan-bahan tersebut diletupkan. Walaupun tidak terdapat bahaya yang secara langsung, seseorang diminta supaya menjauhkan diri. Dalam hubungan ini seorang diminta supaya mengikuti arahan-arahan para pekerja seismik.

Nombor lot-lot tanah yang terlibat dalam perakaman seismik tanah pada 21 September 1983 dan nama tuan punya tanah-tanah tersebut.

Wong Ah Fatt.	6912	Ak. Idris bin Pg. Maharaja Lela Muda Kahar.
Mohd. bin Abdul Ghafar.	6911	Ak. Idris bin Pg. Maharaja Lela Muda Kahar.
Rahab binte Md. Ali @ Shariah bte Md. Ali.	7177	Awg. Abu Bakar bin P.O.K. Digadong Awg. Hj. Mohd. Yusof & 8 kawan.
Lim Guat Goo.	7178	Haji Ahmad bin Laksmana Othman.
Lim See Kuang.	9100	Dg. Halimah bte Zaine.
Pg. Metasan bin Pg. Ahmad.	9010	Haji Abd. Ghaffar bin P. Mukim Hj. Naim.
Jamah bte Haji Piut.	9101	Abdullah bin Ag. Hj. Halus & 4 kawan.
Md. Daud bin Ibrahim.	8228	S.L.
Derang Halus bte Haji Piut.	5566	Bangkok bin Tahir.
Ahmad bin Samat.	5568	Haji Serudin bin Hashim & 3 kawan.
Mohamad bin Tanggang.	5566	Bani bte Alim as administrator.
Amis bin Tamat.	8996	Haji Md Zain bin Arsad.
Iskandar bin Panjang.	9006	Phua Lim Hoe & 2 kawan.
Puasa bin Amat.	8940	Reda Jasmine bte Abdul Rahman & 4 kawan.
Mohamed bin Hashim.	8271	Halen Chin Sout Hung (f) & 1 kawan.
Lim Swei Chung.	8270	Pg. Anak Besar bte Pg. Anak Metasan.
Lim Hong Pow.	8704	Abdullah bin Ag. Hj. Halus.
Md. Sukri bin Haji Md. Zain & 4 kawan.	2317	Untong bin Sitam as administrator.
Amis bin Ahmad & 1 kawan.	6482	Ag. Mohamad Kamal bin Ag. Muhamad & 3 kawan.
Amis bin Lakim.	10190	A. Abd. Hamid bin A. Muhammadiyah.
Amis bin Jumat & 2 kawan.	9293	Baha bin Lamit.
Changping binte Shukor.	2316	Pehin Udana Khatib Hj Omar bin Awg. Rendah.
Empangan Pelatih-Pelatih dari Pusat Latihan Pertanian Sinaut dalam Perumahan Ladang.	4931	Pehin Udana Khatib Hj Omar bin Awg. Rendah.
Empangan Siti Mariam bte Pengiran Abd Razak.	5570	Dg. Siti Halimah bte Haji Abu Bakar & 12 kawan.
Amis jawatan Dalam Awang Haji Muhamad Noor.	1316	Dy. Damit bte Ahmad & 2 kawan.
Ak. Idris bin Pg. Maharaja Lela Muda Kahar.	3207	
Ak. Idris bin Pg. Maharaja Lela Muda Kahar.		

Nombor lot-lot tanah yang terlibat dalam perakaman seismik tanah pada 12 Oktober -20 Oktober dan nama tuan punya tanah-tanah tersebut.

8772	Malai Damit bte Habib Omar.	4268	Siti bte Haji Tahir @ Musa & 1 kawan.
20544	Mariah bte Haji Metussin.	5977	Haji Besar bin Metamit & 1 kawan.
20545	Salbiah bte Haji Japar.	7115	Haji Chuchu bin Nayan as administrator.
20546	Salbiah bte Haji Japar.	13242	Dk. Azizah binte Pg. Ahmad.
20547	Salbiah bte Haji Japar.	8921	Kuan Que Lim.
20548	Brahim bin Timbang @ Ahmad.	8976	Pg. Hj. Mohamad bin Pg. Hj. Metasan.
20549	Safiah bte Ladi.	9012	Ismail bin Haji Daud & 4 kawan.
20550	Ramlie bin Hashim.	4902	Haji Abd. Jalil bin Abdullah.
9494	Kawasan padang polo (diambil balik tanahnya).	11222	Ak. Abdul Aziz bin Pg. Abu Bakar.
6979	Lim Kan Chin & 2 kawan.	3455	Haji Ibrahim bin Budin.
9073	Cheong Keong Quee as administrator.	3813	Chan Hiang Heng.
9497	Dy. Jijah bte Ampuan Serudin.	5594	Bunal bin Basman & 2 kawan.
14926	Abdullah bin Hj. Talip.	8608	Radiah binte Talip & 7 kawan.
14927	Mahadi bte Hj. Talip.	7185	Awg. Mohd Noor bin Pehin Maharaja Diraja Hj. Ahmad.
13639	Kaling bin Inger & 3 kawan.	13243	
14928	Hainah bte Timbang.	13244	Lamudin bin Haji Japar.
13638	Hajjah Mosnah bte Haji Ahmad @ Hjh Masnah.	6365	Saibah bte Binchut.
19309	Mohsin bin Abu Bakar.	2695	Anam bin Arshad.
19310	Mohamad bin Yassin.	2705	Tasim bin Tuah.
19308	Ali Hashim bin Haji Daud/Haji Md. Daud.	6369	Dayang Salmah Abd. Hussin.
3831	Sia bin Basman & 4 kawan.	6769	Amit bte Hj. Ludin @ Ranik & 1 kawan.
4846	Karim bin Haji Kahar as administrator.	9539	Haji Shahibulbahri bin Haji Shahbudin.
6353	Muhammad Jamil bin P.O.K. Haji Umar.	12718	Abd. Gapar bin Hj. Ongsang.
4904	Hjh. Dy. Husnah bte Abu Bakar & 2 kawan.	12717	Besar bin Mohammad.
4909	Dg. Zainab bte Rahman/Abd. Rahman & 1 kawan.	12716	Lamat bin Hj. Ismail.
6775	Ong Peng Ting.	4267	Dayang Zainab bte Mohamad & 4 kawan.
13899	Tusin bin Haji Sia & 3 kawan.	7055	Kula bin Haji Abd. Salleh.
13898	Md. Tahir bin Lampang.	19633	A. Othman bin A. Mohd. Yusoff/Yussuff.
2701	Qujan bin Jais.	10954	
18382	Masri bin Haji Tamin.	5428	Ang Leng Zat as administrator.
18383	Osnah bte Haji Tamin.	17162	Dayang Ramlah bte Abu Bakar.
18384	Siti Asnah bte Haji Tamin.	19566	Siti Nafsiyah bte Haji Saman.
18386	Aminah bte Haji Tamin.	19568	Siti Nafsiyah bte Haji Saman.
18387	Rosli bin Haji Tamin.	3659	Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.
18388	Asmah bte Haji Tamin.	3981	Dy. Siti Khadijah bte Awang Ahmad.
15010	Badan bin Talip.	4900	Haminah bte Tulmurit.
12443	Rhairudsalleh bin Kamaluddin.	3452	Sura bte Bangkok & 4 kawan.
16650	Awg. Besar bin Mohamad & 1 kawan.	2061	Lim Chai Lian.
3761	Othman bin Abdul Ghani.	6560	Jadin bin Asar & 5 kawan.
14741	Mahani bte Mohamad Rayup.	3453	Badar bin Jaman & 4 kawan.
14742	Hj. Mohd. Ismail bin Hj. Ahmad.	13210	Ahad bin Sidis.
14687	Bakar bin Lazim.	13211	Baha bin Nayan.
5876	Awang Ahmad bin Awang Jalaludin.	13212	Tuah bin Sidis.
5074		13213	Shahbudin bin Abdul Rashid.
18025	Rohanie bte Abdullah.	12128	Nurah (Murah) bte Jumat.
18024	Abdullah Sani bin P.O.K.R.D. Haji Alihussin.	12123	Abdul Hamid bin Jumat.
18026	Ahmad bin Hj. Ibrahim.	10954	
7223	Suhaya bin Sukaimi & kawan.	6559	Saidah bte Haji Karim.
5428	Ang Leng Sat as administrator.	4940	Pg. Sarpuddin bin Pg. Laila Wijaya Pg. Hj. Yusof.
10658	Tuah bin Jamahidin.	3455	Haji Ibrahim bin Budin.
19637	Tuah bin Omar.	3454	Sapah bte Kassim & 9 kawan.
19636	Hamdan bin Murah.		
10659	Tuah bin Simbol.		
12440	Tinggal bin Durahim & 1 kawan.		
12349	Timbol bin Hj. Tinggal.		

Lihat muka 14

Nombor lot-lot tanah yang terlibat dalam perakaman seismik tanah pada 12 Nobember - 24 Nobember dan nama tuan punya tanah-tanah tersebut.

4918	Hj. Mohd. Yassin @ Hj. Yassin bin Metasan.	11586	Mazni bte Abdullah (Lee Lai Leong)
6581	Ibrahim bin Metahir.	6570	Tong Bun Fa.
6354	Dy. Zainab bte Sa'ad.	8804	Kamis bin Salleh.
6514	Norsalam bte Kassam.	7648	
6517	Puasa bin O.K. Seri Pahlawan.	14499	
6564	Aji bte Bakal.	14500	Sia Soon Cheng.
6344	Mohd. Yusof bin Amat.	6176	Alim bin Basing.
4304	Buang bin Puasa.	9146	Lim Teck Hock & 3 kawan.
4315	Manrok bin Nudin & 1 kawan.	17362	Mohamed Nasir bin Jaafar.
6567	Hj. Mat Yassin bin Kassim & 3 kawan.	17360	Metussin bin Hj. Salleh & 1 kawan.
6273	Sapar bin Salam.	17361	Soon Ai Kuan.
9881	Hj. Abd. Karim bin Hj. Tengah.	18769	Tapak Sekolah Ugama Jerudong.
2284	Lim Jock Cheng.	18931	Jumat bin Aji.
4962	Asiah bte Burut.	9197	Hj. Mohd Puting bin Haji Pengarah Rahman
9878	Sarah bte Hj. Sapar.	12529	
6091	Abd. Halim bin Nordin & 1 kawan.	9003	See Sing Hing.
6095	Pg. Omar bin Pg. Besar.	8653	See Chee King.
6604	Anggas bin Lamuddin.	19325	Baha bin Dagang.
6273	Sapar bin Salam.	10191	Isa bin Ibrahim.
9861	State Land.	17324	Dua bin Nasir.
7484	Minah bte Pakar.	17328	Tambah bin Asar @ Sabtu bin Asar.
7480	Kamis bin Mohammad.	17325	Ahad bin Nasir.
		17327	Abdul Rahman bin Nayan.
		5552	Rosli bin Umar dan 2 kawan.



SEBAHAGIAN dari para jemaah haji ketika berkumpul di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkilah Hayatul Bolkiah di Serusop.



JUGA dilakukan ialah pemeriksaan keselamatan oleh salah seorang Pegawai Keselamatan ke atas jemaah haji ini.

Dua orang jemaah haji meninggal

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Dua orang jemaah haji Brunei telah meninggal dunia di Medinah. Awang Haji Abd. Rahman bin Abdul

Razak, 54 tahun dari Kampung Tanjong Bunut, Batu 9 Jalan Tutong mengikuti penerbangan ketiga dan meninggal dunia pada 30 Ogos lepas.

Allahyarham Awang Haji Abd. Rahman berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Bandar Seri Begawan sebagai Ketua Pentadbir Rumah Sakit.

Jemaah kedua yang meninggal dunia ialah Awang Lakim bin Mangsor dari Kampung Sungai Tilong, Jalan

Muara, Brunei, berumur 85 tahun dan mengikuti penerbangan keempat. Allahyarham meninggal dunia pada hari Sabtu 3 September lepas.



Allahyarham Awg. Hj. Abd. Rahman



Allahyarham Awg. Lakim.



BEGINILAH suasana di rumah salah seorang jemaah haji.

JEMAAH2 HAJI BERLEPAS KE TANAH SUCI


KESEMUA jemaah haji negara kita telah selamat menunaikan ibadah haji menuju ke Jeddah dengan pesawat MAS B747 ke arah Tanah Suci (MAS) yang dioperasikan oleh MAS.

Nampaknya suasana di lapangan terbang tersebut, di mana para jemaah haji telah diantar oleh sanak saudara mereka, adalah sangat meriah. Jemaah haji diangkut dengan menggunakan bus ke Lapangan Terbang. Pemeriksaan imigresen tersebut antara lain memeriksa kenderaan yang keluar dari kawasan lapangan terbang berlaku pada masa itu.

Satu perkara yang penting dalam penerbangan haji adalah keselamatan. Ini sedikit sebanyak terutamanya mereka yang kakitangan kerajaan yang bertugas untuk cuti bagi mereka yang kembali bertugas.



JEMAAH haji ketika sedang menjalani pemeriksaan Kastam dan Imigresen.



JEMAAH-JEMAAH haji ketika menaiki pesawat Boeing 747 Sistem Penerbangan Malaysia yang disewa khas.



GAMBAR ini juga menunjukkan sebahagian daripada jemaah haji sedang menaiki pesawat tersebut.

...kemudiannya dibawa dengan menaiki bas ke lapangan terbang, setelah selesai urusan ... dan imigresen di Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah di



JEMAAH haji ketika keluar dari bilik menunggu menuju ke pesawat yang disewa khas.

...berada di bilik menunggu di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini.

200 kanak2 damit sertai peraduan kanak2 sihat WI

KUALA BELAIT. — Hampir 200 orang kanak-kanak damit telah mengambil bahagian dalam Peraduan Kanak-Kanak Sihat anjuran Pertubuhan Perkumpulan Perempuan WI Brunei Cawangan Belait tahun ini.

Peraduan yang menjadi projek tahunan pertubuhan itu diadakan sempena Hari Keputeraan ke-37 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Penghakiman telah dilakukan di sebelah pagi Ahad, 2 September lalu di Dewan Kemasyarakatan di sini, manakala penyampaian hadiah dan saguhati telah dilangsungkan sejurus selepas penghakiman, dan dilaksanakan oleh Isteri Pegawai Daerah Belait, Dayang Zaleha Haji Omar.

Majlis penyampaian hadiah telah didahului dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Peraduan, Dayang Hajjah Halimah bte Abdul Latif. Peraduan tersebut tahun ini dibahagikan kepada empat bahagian, A, B, C, dan D.

Bahagian A bagi Kanak-kanak berumur empat hingga lapan bulan, tempat pertama dimenangi oleh Shirley Sio Chen bte Sikun, kedua Diana bte Tanau dan tempat ketiga dimenangi oleh Jeffrudi Haji Ahmad.

Johan bahagian B bagi yang berumur lapan hingga 12 bulan pula ialah Arizal bin Bagoi, naib-johan Mohd. Kharzami Md. Daud dan tempat ketiga dimenangi oleh Mohd. Sabrizen Sabtu.

Johan bahagian C bagi kanak-kanak yang berumur antara 12 — 18 bulan ialah Hardiman Manaf, naib-johan ialah Abd. Khalid Ali sementara Norharlena A. Raub menduduki tempat ketiga.

Memenangi tempat pertama bahagian D bagi yang berumur antara 18 hingga 24 bulan ialah Mohd. Azmi bin Mohd. Hardi, tempat kedua ialah Md. Hakim Sahari, sementara Mohd. Fraddey Ahmad menduduki tempat ketiga.

Makluman

“DIMAKLUMKAN kepada semua ahli dan pembaca perpustakaan bergerak, sepanjang cuti penggal kedua persekolahan perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dihentikan buat sementara waktu, perkhidmatannya akan dibuka semula sebaik-baik saja sekolah dimulakan.”



BARISAN para pemain bahagian penerangan yang menjadi naib johan dalam perlawanan bolasepak antara bahagian-bahagian S.U.K.

LIGA BOLASEPAK BAHAGIAN2 JABATAN S.U.K

PERINGKAT akhir perlawanan liga bolasepak antara bahagian-bahagian Jabatan Setiausaha Kerajaan telah dilangsungkan di Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong.

Sebanyak empat pasukan telah mengambil bahagian dalam pusingan

awal kejohanan tersebut, dan Pasukan Bahagian Penerangan telah bertemu di perlawanan akhir bersama dengan Pasukan Ibu Pejabat Pusat S.U.K.

Memandangkan kombinasi pertahanan yang tidak padu serta ditambah lagi dengan keadaan padang licin dan berair menyebabkan pemain Bahagian Penerangan tidak dapat mempamerkan mutu performance yang kemas dan teratur. Kawalan bola yang sering terlepas dan tidak menentu, memberikan peluang bagi Ibu Pejabat Pusat S.U.K untuk membuat percubaan di saat tersebut.

Di separuh masa kedua Bahagian Penerangan berupaya melancarkan serangan-serangan di setiap sudut, dalam usaha untuk menjaringkan gol. Tetapi kesempatan-kesempatan tersebut banyak terlepas begitu saja kerana terlalu gopoh menyebabkan kebanyakan

percubaan-percubaan mereka liar serta tidak dapat menepati gawang gol.

Pada keseluruhan prestasi kedua pasukan tidaklah jauh bezanya, tetapi pada akhirnya hanya pasukan Ibu Pejabat Pusat S.U.K yang merangkul gelaran naib johan bagi musim liga tahun ini.

Piala rebutan ini disumbangkan kepada Pengarah Penerangan akan disimpan untuk kedua oleh Ibu Pejabat Pusat S.U.K. untuk mereka menewangi Bahagian Penerangan.

Sementara itu hadiah disampaikan kepada Pegawai Pentadbir Kan S.U.K, Awang Saiti Yahya. Hadir untuk menonton perlawanan tersebut termasuklah Pengarah Penerangan dan ahli-ahli jawatankuasa bolasepak antara bahagian-bahagian Jabatan Setiausaha Kerajaan AHI



AWG. SUHAILI, ketua pasukan Ibu Pejabat S.U.K. ketika menerima piala kemenangan dari Awg. Sidek bin Yahya, Pegawai Pentadbir Kanan, Pejabat S.U.K.



PENGHAKIMAN dilakukan bagi kanak-kanak damait kumpulan A yang berusia antara empat hingga lapan bulan.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 7 Sept. hingga 13 Sept. 1983

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	7.9.1983	Rabu	10.00-10.30
Sekolah Melayu Mentiri	7.9.1983	Rabu	10.45-11.15
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	7.9.1983	Rabu	11.30-12.00
Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah	8.9.1983	Khamis	2.30- 3.30
Sekolah Melayu A. Haji Mohd Yussof, Katimahar	10.9.1983	Sabtu	8.30- 9.30
Penjara Jerudong	10.9.1983	Sabtu	9.45-10.45
Sekolah Melayu Mulaut	10.9.1983	Sabtu	11.00-12.00
Sekolah Melayu Birau	10.9.1983	Sabtu	1.30- 2.30
Sekolah Melayu Kiudang	10.9.1983	Sabtu	2.45- 3.45
Sekolah Melayu Lamunin	10.9.1983	Sabtu	4.00- 5.00
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan	12.9.1983	Isnin	1.45- 2.45
Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh Sungai Hancing	12.9.1983	Isnin	3.00- 4.00
Sekolah Ingeris Berakas (Bhg. Menengah)	13.9.1983	Selasa	8.15-10.15
Sekolah Melayu Anggerik Desa	13.9.1983	Selasa	10.30-11.30
Sekolah Ugama Haji Mohd Jafaar, Kampung Kiulap	13.9.1983	Selasa	2.45- 3.45
Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Gadong, Kampung Beribi	13.9.1983	Selasa	3.35- 4.00
Sekolah Persediaan Ingeris Sengkuring	13.9.1983	Selasa	4.30- 5.30

Dari Muka 11

3459	Nanta bte Pilah & 2 kawan.	2468	Anggas bin Ahmad.
3457	Tinggal bin Durahim & 6 kawan.	2270	Nirhassan bin Hj. Abu Bakar.
14144	Mail bin Haji Daud.	2278	Dayang Maisah binte Ahmad & 5 kawan.
14145	Sanif bin Haji Ismail.	14617	Haji Dagang bin Timbang.
19546	Jumat bin Haji Saban & 7 kawan.	14619	Haji Angsa bte Timbang.
19544	Saisah bte Haji Kamis.	14620	Munah bte Baha.
19545	Dayang Norsiah bte Basir.	1189	Mohidin bin Haji Bakar & 8 kawan.
19543	Hajjah Tijah bte Haji Marali & 4 kawan.	14621	Rajid bin Baha.
		9695	Abdul bin Haji Garip.
		9694	Asar bin Haji Garip.



Intisari minggu ini

Radio minggu ini:

LAMBARAN DARI PENDENGAR

PERKHIDMATAN Bahagian Radio Brunei, semula-mula ditubuhkan pada hari ini, tidak menerima lambaran. Pada beberapa waktu lalu sampailah Perkhidmatan Bahagian telah dibanjiri oleh pendengar, beratus-ratus lambaran keping pada lambaran yang kad-kad lagu-lagu, mahupun lambaran berupa surat-surat teguran yang ikhlas rancangan-rancangan usahakan. Segala itu, kami sambut dengan terbuka, dan seterusnya terima kasih ke atas dan ikhlas hati, kami alu-alukan lambaran pujian atau

nya dari Labuan, Kota Kinabalu, Sandakan, Limbang, Miri, Sibuan dan Kuching, bahkan jauh daripada itu, dari Malaysia Barat. Semua itu adalah menandakan bahawa Siaran Radio Brunei dapat diikuti dan diminati oleh pendengar-pendengar dari seberang laut.

Bertolak dari peranan yang dikatakan ini, apakah pula peranan kita terhadap siaran Radio? Dan apakah pula imej yang seharusnya dilaporkan atau disalurkan dalam rancangan-rancangan Radio untuk para pendengar itu mengetahui serbaneka pembangunan di Negara kita yang kaya ini, dan kegiatan-kegiatan rakyat kita yang serba membangun ini? Kita kira, hanya satu yang dapat diharapkan, iaitu harapan kami, agar semua lapisan pendengar tempatan dapat benar-benar memberikan kerjasama. Kerjasama itu, ialah memberikan sumbangan fi-

kiran, baik dari pihak-pihak yang tertentu mahupun dari para pendengar kami. Cuba-cubalah kita fikirkan.

Apakah Radio Brunei harus sumbangkan kepada pendengar? Dan tanya pula kepada diri sendiri, apakah pula yang patut saya sumbangkan kepada Radio Brunei? Tentu bermacam-macam fikiran akan timbul dan tentu ada pula cadangan-cadangan yang akan dikemukakan. Di pihak kami pula, iaitu di pihak Radio, tentulah nanti, jika ada cadangan-cadangan yang sampai kepada kami, tidak semuanya akan diterima, bak kata pepatah, 'yang baik dijadikan tau-ladan, yang tidak baik dijadikan sempadan'. Pahit jangan lekas dibuang, manis jangan terus ditelan. Perkara semacam ini, telah berkali-kali kami katakan.

Sumbangsih dari awda adalah sumbangsih yang mulia, dan terima kasih kami madahkan. •

Sandiwar Radio minggu ini:

AKHIRNYA

OLEH: SANI A. B.

DENGAN tulisan yang berjudul AKHIRNYA, penulis Sani A.B. Brunei akan berpeluang untuk mengisikan ruangan Sandiwar Radio Minggu Ini.

Penulis telah menimbulkan pertentangan perasaan yang dihadapi oleh seorang ibu dan anaknya. Mak Siti, sebagai ibu yang melahirkan Gayah merasa berkuasa terhadapnya termasuklah untuk menentukan siapa pasangan hidupnya.

Gayah yang merasa berhak untuk membuat pilihannya sendiri, tetap menentang kehendak ibunya. Mak Siti sebenarnya menghendaki Gayah untuk berkahwin dengan Rahim siapa yang telah menyelamatkan nyawanya semasa kejadian kebakaran yang menimpa rumah mereka. Demi untuk membalas jasa Rahim terhadapnya, keputusan untuk menjodohkan Gayah dengan Rahim itu diambil.

ini kami persilakan para pendengar untuk mengikuti siarannya pada 11 September, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dayang Helen Thu.



Paksaan itu tidak membawa kesan yang baik terhadap Gayah. Oleh kerana terlalu didesak, Gayah mendapat gangguan kesihatan dan di-hantar ke rumah sakit. Oleh kerana keadaannya agak mencemaskan dan doktor yang merawatnya mendapati dia kekurangan darah, sementara darah yang sesuai yang ada dalam simpanan sudah kehabisan; akhirnya Dr. Bakri yang merawatnya itu sendiri telah merelakan darahnya untuk didermakan.

Setelah mengetahui perkara itu, Gayah tentunya merasa terutang budi dengan jasa Dr. Bakri terhadapnya. Walaupun dia berterus-terang terhadap ibunya tentang perasaannya pada Dr. Bakri, ibunya tetap berkeras untuk menjodohkannya dengan Rahim.

Kerana kekerasan Mak Siti itulah, Gayah sekali lagi diserang penyakit yang sangat membahayakan itu. Apakah akhirnya yang terjadi pada Gayah? Dapatkah dia melepaskan diri dari dilema ini? Mungkinkah Mak Siti akan mengubah pertimbangannya terhadap Gayah? Untuk jawapan kepada soalan-soalan

RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar bersama awda lagi pada minggu ini dengan peserta Awang Zainal bin Ahmad di alamat Blok D RUHQ, Gadong, Brunei.

Seperti biasa peserta dalam rancangan ini akan memilih beberapa buah lagu untuk hiburan para pendengar khususnya para peminat rancangan ini. Rancangan ini ke udara pada hari Isnin 12 September jam 1.30 petang.


masakan:

SIPON PANDAN

1. Putih telur
2. Cream of tartar
3. Gula halus
4. Softasilik
5. Santan
6. Daun pandan
7. Gula jagung
8. Penuli
9. Baking powder
10. Garam halus.

Membuatnya :

